

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2021

HARI SELASA : 21 SEPTEMBER 2021

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 12 HINGGA NO. 65)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mengkaji semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) supaya PGK itu adalah lebih menggambarkan situasi terkini.

**DICADANG DIJAWAB BERSAMA SOALAN 64 OLEH YB SEKIJANG
PADA 21 SEPTEMBER 2021**

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menilai semula had pendapatan garis kemiskinan pada tahun 2020 oleh kerana ketetapan ini tidak selari dengan kadar pengangguran negara dan golongan B40 yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Sungai Siput berkaitan isu penilaian semula had Pendapatan Garis Kemiskinan secara bersekali dengan soalan oleh Yang Berhormat Sekijang pada 21 September 2021 kerana menyentuh perkara yang sama.
2. Kerajaan akan mengemas kini Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) pada tahun 2022 serentak dengan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2022. PGK 2019 yang digunakan dan yang terkini adalah berdasarkan metodologi PGK 2019 dan HIES & BA pada tahun 2019. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, HIES & BA dijalankan dua kali dalam tempoh setiap lima tahun.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PGK adalah berdasarkan jumlah pendapatan yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan untuk hidup sihat dan aktif dalam masyarakat.
4. Berdasarkan metodologi PGK 2019, PGK nasional adalah sebanyak RM2,208 sebulan, berbanding dengan PGK 2016 yang menggunakan pakai metodologi 2005 iaitu RM980 sebulan. Dengan menggunakan metodologi PGK 2019, kadar kemiskinan mutlak adalah 5.6% terdiri dari 405,441 isi rumah pada tahun 2019 berbanding 7.6% meliputi 525,743 isi rumah pada tahun 2016. Kadar kemiskinan bandar adalah 3.8% dan kadar kemiskinan luar bandar sebanyak 12.4% bagi tahun 2019.

5. Berikutan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan, Kerajaan telah mengkaji kesannya ke atas sosioekonomi rakyat. Kajian ini merangkumi simulasi kepada data dari HIES & BA 2019 dan profil isi rumah 2019 yang kemudian disesuaikan dengan corak taburan isi rumah 2020. Fokus kajian ini adalah bagi melihat kesan pandemik COVID-19 ke atas pendapatan isi rumah dan kemiskinan bagi tahun 2020. Berdasarkan kajian ini, insiden kemiskinan mutlak telah meningkat kepada 8.4% daripada 5.6% pada tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mengeluarkan nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang baharu yang mana nilai PGK 2019 masih dikekalkan.

6. Pada tahun 2019, item yang diambil kira dalam keperluan makanan dan bukan makanan ditambah baik untuk menggambarkan peningkatan kualiti dalam kehidupan. Konsep PGK makanan berubah daripada keperluan 'minimum' kalori kepada keperluan 'optimum minimum' yang menunjukkan peningkatan kualiti item bakul makanan. Bagi PGK bukan makanan pula, keperluan kumpulan B20 telah bertambah dari 106 kepada 146 item dan mengambil kira perubahan pola perbelanjaan isi rumah, harga barangan dan perkhidmatan semasa.

7. Oleh yang demikian, penetapan PGK, kadar pengangguran dan jumlah bilangan B40 adalah menggunakan metodologi yang berbeza tetapi berkaitan. Peningkatan kadar pengangguran akan menyebabkan pendapatan isi rumah miskin dan pendapatan B40 berkurangan seterusnya meningkatkan bilangan isi rumah yang berada di bawah PGK. Sebagai contoh, terdapat isi rumah yang dikategorikan sebagai M40 berdasarkan HIES & BA 2019 mengalami penurunan pendapatan di bawah had pendapatan B40 tahun 2020. Berdasarkan laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sebanyak 20.0% atau kira-kira 580,000 isi rumah daripada kumpulan isi rumah M40 yang berpendapatan di antara RM4,850 dan RM10,959 telah beralih kepada had pendapatan di bawah kumpulan B40.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LARRY SOON
@ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021

SOALAN

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-

- (a) Apakah status pengoperasian anak syarikat kepada Lembaga Lada Malaysia iaitu Saraspice Sdn. Bhd. dan prestasi syarikat tersebut sehingga ke hari ini; dan
- (b) Apakah dengan penubuhan dan pengoperasian anak syarikat ini, pihak Kementerian berupaya untuk menjalankan tugas penguatkuasaan.

Jawapan (a) :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, Jawatankuasa Proteam Saraspice Sdn. Bhd. (SSB) sedang giat melaksanakan kerja-kerja persediaan operasi perniagaan syarikat antaranya pengambilan kakitangan, sesi latihan dan pembangunan sistem kewangan syarikat bagi memastikan kerja-kerja yang berkaitan objektif penubuhan SSB tercapai seperti yang dirancang.

Dalam hal ini SSB akan mula beroperasi sepenuhnya pada bulan November 2021. Pada masa ini SSB dianggotai oleh tiga (3) orang Ahli Lembaga Pengarah yang mempunyai pengalaman luas dan mempunyai pelbagai latar belakang yang terdiri daripada anggota kerajaan dan wakil industri.

Jawapan (b):

Tuan Yang Di-Pertua,

Dengan penubuhan SSB sebagai sebuah anak syarikat yang menjalankan operasi perniagaan, isu *conflict of interest* berhubung kepentingan untuk mengawal selia pasaran dan lain-lain peraturan yang perlu dikuatkuasakan oleh Lembaga Lada Malaysia telah dapat diatasi.

Dalam hal ini, Kementerian ini bersama Jabatan Peguam Negara (AGC) sedang menyusun dan menyemak draf akhir Peraturan-Peraturan Lembaga Lada Malaysia (Pelesenan, Permit dan Penggredan) 2021 sebelum ianya diwartakan. Semakan ini adalah termasuk peraturan permit untuk mengawal selia pasaran dan lain-lain peraturan yang termaktub di bawah Akta Lembaga Lada Malaysia 2006 (Akta 656). Selaras dengan semakan ini, Kementerian melalui MPB dijangka akan berupaya untuk menjalankan tugas penguatkuasaan berdasarkan peraturan yang sedang disusun dan disemak semula tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH
(KOTA BELUD)**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan signifikan bagi peruntukan yang telah dibelanjakan oleh J-KOM terhadap pembentukan publisiti Kerajaan dalam menangani COVID-19 memandangkan J-KOM dilihat telah disalahgunakan untuk tujuan politik bagi memburukkan imej pihak tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

J-KOM telah dijenamakan semula berkuatkuasa pada 01 Feb 2021 untuk membangun komuniti, khususnya di peringkat akar umbi, yang mengamalkan budaya ilmu, berkemahiran digital dan menghayati makna dan fokus patriotisme dengan menggunakan pendekatan 'pengehakupayaan komuniti' (*community empowerment*).

Setakat ini peruntukan yang telah dibelanjakan untuk tujuan publisiti dalam menangani COVID-19 ialah berjumlah RM14,500.00 iaitu program menyantuni petugas barisan hadapan dan pesakit COVID-19 di Pusat Kuarantin dan Rawatan (PKRC), MAEPS, Serdang.

Selain itu, J-KOM juga telah melaksanakan inisiatif tanpa perbelanjaan dengan menyediakan sebanyak 291 kandungan kreatif seperti poster, video, foto dan lain-lain. Kandungan tersebut telah dibuat hantaran (posting) dan ciapan (tweet) pada media sosial Jabatan seperti Facebook, Instagram, Twitter dan WhatsApp. Ini selaras dengan hala tuju Jabatan dalam Program Komunikasi Strategik Pembudayaan Norma Baharu COVID-19,

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan program yang telah dilaksanakan dan sedang dirancang, jelas sekali tiada sebarang peruntukan JKOM yang disalah guna untuk program berkaitan politik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat melaksanakan Akta Anti Lompat Parti memandangkan isu ini telah menyebabkan ketidakstabilan dalam lanskap politik negara dan memberi impak negatif kepada proses pembangunan negara secara keseluruhan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kestabilan negara menjadi agenda utama ke arah pemulihan negara memerangi pandemik Covid-19 serta memulihkan ekonomi. Ini termasuklah usaha menyelesaikan kemelut politik melalui prinsip kebersamaan antara parti Kerajaan dan pembangkang dalam memastikan ketidakstabilan politik di Malaysia dapat ditangani dengan lebih baik.

Kerajaan komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini memuktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia. Transformasi ini termasuklah komitmen Kerajaan untuk membentangkan RUU Anti-Lompat di Parlimen.

Pelaksanaan transformasi ini juga selaras dengan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tentang peri pentingnya sebuah pentadbiran yang stabil dan dapat berfungsi secara biasa dalam keadaan negara menghadapi pelbagai krisis.

Selain itu, Kerajaan juga menjunjung titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui titah yang disampaikan semasa Istiadat Pembukaan Penggal Parlimen supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mengembalikan fokus kepada usaha memerangi pandemik COVID-19 serta membawa kembali sinar kepada rakyat dan negara tanah tumpahnya darah kita.

Justeru, menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan prinsip kebersamaan akan terus diamalkan agar dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi kepercayaan tinggi kepada Ahli-ahli Parlimen. Kerajaan juga akan memastikan sistem demokrasi berparlimen sentiasa disanjung tinggi agar kepentingan rakyat dan negara sebagai satu 'Keluarga Malaysia' dapat diutamakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021(SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah justifikasi untuk menggunakan stadium dan dewan mega sebagai Pusat Pemberian Vaksin dan mengapa dewan-dewan orang ramai, balai raya dan dewan sekolah tidak digunakan untuk melicinkan proses pemberian vaksin kepada masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Keselesaian dan keselamatan orang ramai adalah perkara utama yang dititikberatkan dalam usaha pemberian vaksin COVID-19. Dalam usaha untuk tidak membebankan fasiliti kesihatan negara, CITF telah membuka PPV yang menggunakan fasiliti **bukan** hospital dan klinik kesihatan awam.

Pemilihan PPV dibuat secara bersama dengan pelbagai pihak di peringkat persekutuan dan negeri seperti mana yang tertera dalam Prosedur Operasi PPV Bukan KKM.

NO. SOALAN : 16

PPV mestilah mempunyai ruang awam yang luas dan tertutup berdekatan dengan populasi sasaran serta mempunyai kemudahan dan boleh diakses oleh warga emas dan orang kurang upaya.

PPV juga harus menyediakan ruang dan kemudahan untuk semua fungsi pelaksanaan imunisasi seperti saringan gejala, pendaftaran, penyimpanan vaksin, vaksinasi, dan pemerhatian serta perawatan pasca vaksinasi. Sebaik-baiknya, tempat ini akan membolehkan orang masuk dan bergerak secara sehalu melalui setiap stesen hingga ke pintu keluar dengan amalan penjarakkan yang sesuai.

Pembukaan PPV Mega pula strategi untuk memvaksinasi di lokasi dengan kepadatan penduduk yang tinggi seperti bandar-bandar besar bagi memanfaatkan *economies-of-scale*, antaranya di Lembah Klang, Pulau Pinang, Johor Bahru, Ipoh serta Kuching. Walaupun bilangan PPV Mega ini adalah kecil iaitu hanyalah 1.5% daripada bilangan PPV secara keseluruhan, namun PPV Mega ini menyumbang kepada 30% kapasiti dos suntikan harian yang berjaya membantu mempercepatkan pemberian vaksin.

Keperluan pembukaan PPV adalah bergantung kepada jumlah populasi yang belum divaksinasi serta tempoh masa sasaran untuk mempercepatkan peralihan fasa seperti yang digariskan dalam Pelan Pemulihan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 | SELASA

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan umat Islam Malaysia dapat menunaikan haji dan umrah selepas pengumuman Kerajaan Arab Saudi membenarkan jemaah dari luar negara menunaikan haji dan umrah bermula 9 Ogos lalu.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ibadat haji rakyat Malaysia telah tertangguh untuk 1441H/2020 dan 1442H/2021 kerana Kerajaan Arab Saudi telah memutuskan ibadat haji pada dua musim tersebut dihadkan hanya kepada warga negaranya dan penduduk negara lain yang berada di Arab Saudi. Ini berikutan situasi semasa pandemik Covid-19 yang membimbangkan di seluruh dunia dan masih belum reda sehingga kini.

Status ibadat haji tahun hadapan masih tertakluk kepada keputusan rasmi daripada Kerajaan Arab Saudi. Kerajaan melalui Lembaga Tabung

NO. SOALAN : 17

Haji (**TH**) akan terus berbincang dengan pihak Arab Saudi mengenai perkembangan terkini berkaitan status ibadat haji dan peraturan-peraturan baru berkaitan urusan haji 1443H/2022.

Sementara itu, persediaan awal oleh **TH** bagi menghadapi musim haji 1443H/2022 adalah seperti berikut:

- 1) mengadakan pasca penilaian (*post-mortem*) urusan ibadat haji tahun ini untuk memahami dengan lebih mendalam prosedur operasi standard (SOP) dan protokol kesihatan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Arab Saudi;
- 2) menganjurkan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan untuk menyeragamkan hukum-hakam ibadat haji dalam suasana wabak; dan
- 3) menganjurkan 14 siri Kursus Asas Haji untuk bakal-bakal haji secara dalam talian.
- 4) perancangan dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi urusan pemeriksaan kesihatan dan vaksinasi bakal haji berasaskan peraturan-peraturan yang akan ditetapkan oleh *Ministry of Health (MOH)*, Arab Saudi.

Peluang untuk umat Islam di Malaysia untuk menunaikan ibadat Umrah mahupun haji bergantung kepada keadaan pandemik Covid-19, keberkesanan kawalan dan SOP yang diperkenalkan oleh pihak berkuasa Arab Saudi serta persediaan para Jemaah dari segi kesihatan dan pengambilan vaksin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah pendirian Kementerian tentang pembinaan insinerator baru dan syarat-syaratnya. Sama ada kerajaan bersetuju dengan pembinaan insinerator baru di Lot 43852 (PT6327)/HS(D) 206502, Bandar Seri Sendayan, daerah Seremban, yang mana lokasinya berdekatan dengan pelbagai projek perumahan, komersial, pendidikan dan perindustrian yang pesat membangun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, keputusan bagi kelulusan pembinaan insinerator di tapak yang dimaksudkan adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Yang Meluluskan (PBM) iaitu Majlis Bandaraya Seremban selaras dengan dasar dan polisi yang ditetapkan.
2. Sekiranya Laporan EIA diluluskan, Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan mengeluarkan lesen operasi insinerator buangan terjadual berkenaan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021(SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa jumlah vaksin yang akan dihantar ke Sabah setiap minggu bagi memastikan 80% daripada populasi dewasa termasuk bukan warganegara (BWN) lengkap divaksinasi menjelang akhir bulan oktober.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dari segi agihan bekalan vaksin pada bulan Ogos, Sabah telah dibekalkan sebanyak 1.55 juta dos termasuk 171,000 dos vaksin Cansino, iaitu 90% daripada keseluruhan 200,000 dos vaksin Cansino yang diterima bagi bulan Ogos. Agihan bekalan vaksin ke Sabah terus diberi keutamaan di mana sebanyak 2.8 juta dos telah dibekalkan bagi bulan September. Ini hampir dua kali ganda bekalan vaksin bagi bulan

Ogos 2021. Anggaran agihan vaksin secara mingguan bagi bulan September ke negeri Sabah adalah seperti berikut:

- i) Minggu Pertama (30 Ogos - 5 September): 758,400 dos;
- ii) Minggu Kedua (6 - 12 September): 599,400 dos;
- iii) Minggu Ketiga (13 - 19 September): 252,510 dos;
- iv) Minggu Keempat (20 - 26 September): 795,600 dos; dan
- v) Minggu Kelima (27 September – 3 Oktober): 431,600 dos.

Sehingga 20 September 2021, sebanyak 69.1% penduduk dewasa di Sabah telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin manakala 55.4% penduduk dewasa telah lengkap dos vaksin. Misalnya di daerah Beaufort, hampir 96% penduduk dewasa telah lengkap divaksin.

Bagi vaksinasi bukan warganegara di Sabah pula, sehingga 12 September 2021, seramai 443,293 orang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos manakala seramai 133,047 orang telah menerima dos lengkap. Jumlah ini turut melibatkan penerima yang dikategorikan sebagai penduduk tanpa negara (*stateless*) yang menetap di Sabah.

Dalam hal ini, pelaksanaan pendaftaran dan vaksinasi di Sabah akan terus dipertingkatkan termasuklah melalui program jangkauan luar (*outreach*) dan *walk-in*. Manakala PPV Industri akan ditumpukan kepada pekerja asing yang sah.

Melalui ini, kadar vaksinasi di Sabah dapat dipertingkatkan dan matlamat untuk 80% populasi dewasa di Sabah lengkap divaksinasi menjelang penghujung Oktober akan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
(SHAH ALAM)**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perincian berapa baki wang simpanan tetap di bank oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, jumlah faedah daripada simpanan tetap itu bagi tahun terkini dan apa pelan jangka masa panjang bagi wang simpanan tetap ini semasa pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan keperluan di bawah **Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)** Ringkasan Belanjawan Tahunan dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Tahunan DBKL perlu diwartakan. Dengan pewartaan laporan-laporan berkenaan ia akan menjadi suatu Pemberitahuan Awam.

Seksyen 55 (6) “Ringkasan Belanjawan sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri hendaklah disiarkan dalam Warta”

Seksyen 60 (4) “Akaun yang telah diaudit bersama-sama dengan pandangan juruaudit, hendaklah dibentangkan di hadapan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam mesyuarat dan disiarkan dalam Warta.”

SOALAN NO : 20

Seksyen 60 (5) “Satu salinan penyata dan akaun hendaklah dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri yang akan dibentang dalam Dewan Rakyat.”

Berikutan dengan itu, maklumat berkaitan dengan penyata kewangan 2020 dan 2021, termasuk perincian berapa baki wang simpanan tetap di bank oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan jumlah faedah daripada simpanan tetap tersebut, hanya boleh dikemukakan setelah penyata-penyata kewangan berkenaan telah diaudit dan diwartakan.

DBKL amat berhati-hati dalam menguruskan sumber kewangan bagi memastikan DBKL sentiasa dapat membiayai segala komitmen. Selain daripada belanja mengurus hal ehwal perbandaran Bandaraya Kuala Lumpur, DBKL juga memerlukan dana bagi pelan jangka panjang untuk menyelesaikan komitmen seperti:

- i. Komitmen modal projek dan penyelenggaraan
- ii. Peruntukan gaji
- iii. Tuntutan guaman
- iv. Pinjaman kerajaan

DBKL sangat prihatin bagi membantu meringankan beban warga kota. Pelbagai insentif melalui program Inisiatif Wilayah Cakna telah dilaksanakan oleh DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah membantu warga kota dari segi sosio-ekonomi. Lebih **RM200 juta** telah diperuntukkan bagi melaksanakan inisiatif ini yang termasuk:

1. Pengecualian bayaran sewaan premis niaga
2. Pengecualian bayaran sewaan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR), DBKL
3. Pemberian sumbangan RM500 *one-off* kepada 17,630 penjaja berlesen
4. Pemberian sumbangan RM100 *one-off* kepada 41,182 orang

SOALAN NO : 20

penyewa PA/PPR, DBKL

5. Pengecualian 6 bulan fi lesen bagi lesen baharu
6. Bantuan asas dan sumbangan kepada gelandangan
7. Pengecualian penalti bagi tunggakan cukai taksiran, komersial dan kediaman.
8. Rebat cukai taksiran sehingga 25% kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Hotel dan Pusat Membeli Belah, dan
9. Pemberian vaksinasi kepada penjaja

Segala inisiatif dan bantuan daripada DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Inisiatif Wilayah Cakna ini telah dapat dimanfaatkan bagi membantu mengurangkan beban warga Kuala Lumpur sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 [SELASA]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini rundingan berkenaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (RUU 355) dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2020 dan 2021 Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil, JAKIM (“Jawatankuasa Teknikal”) yang ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi membincangkan RUU Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2021 (“RUU 355”) dengan melihat dari pelbagai aspek khususnya aspek perlembagaan, undang-undang dan hukum Syarak agar RUU 355 tersebut lebih komprehensif dan seterusnya memperkasa bidang kuasa jenayah mahkamah syariah.

2. Setelah RUU 355 dimuktamadkan kelak, RUU 355 tersebut akan dibentangkan kepada negeri-negeri dalam Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil yang dijadualkan akan diadakan pada 12 hingga 14 Oktober 2021. Persidangan ini merupakan salah satu bentuk rundingan dan perbincangan yang akan diadakan dengan negeri-negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR
@ YUSRE BIN MOHD AKIN
[HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam meningkatkan keyakinan para pelabur selepas kegagalan Kerajaan menguruskan pandemik COVID-19 dan lockdown yang berpanjangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dan berusaha secara berterusan bagi memastikan Malaysia kekal sebagai pilihan lokasi pelaburan yang kompetitif dan mesra perniagaan lebih-lebih lagi ketika negara masih lagi berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kesan akibat pandemik COVID-19.

Impak COVID-19 memberi kesan ketara kepada aktiviti pelaburan di seluruh dunia. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah proaktif bagi menangani impak COVID-19 kepada sektor ekonomi di negara ini. Antara langkah-langkah oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

Industri (MITI) bagi memulih dan mengembalikan semula keyakinan pasaran dan pelabur di Malaysia termasuklah:

- i. menubuhkan *War Room* bagi memproses permohonan melalui COVID-19 *Intelligent Management System* (CIMS) dengan sokongan pelbagai Kementerian bagi membantu syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan perlu bagi mendapat kebenaran beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- ii. mewujudkan Jawatankuasa Rayuan yang membolehkan para pelabur dan syarikat yang terkesan teruk akibat kekangan pergerakan ekoran PKP untuk membuat rayuan bagi mendapatkan kebenaran beroperasi. Kes-kes yang mempunyai alasan kukuh akan dibawa untuk pertimbangan Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- iii. melaksanakan libat urus berterusan dengan MKN berdasarkan input daripada pihak industri untuk membuka secara strategik sektor utama yang melibatkan rantai bekalan global berdasarkan Pelan Pemulihan Nasional (PPN);
- iv. membangunkan *Safe @work* yang merupakan suatu pembangunan SOP komprehensif untuk meningkatkan Langkah-langkah Penjagaan Kesihatan Awam yang mempertanggungjawabkan pihak majikan dalam menangani penularan wabak Pandemik COVID-19 di kalangan pekerja;
- v. memperkenalkan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) iaitu program yang menyediakan kemudahan Pusat Pemberian Vaksin termasuk perkhidmatan perubatan, bukan perubatan dan keselamatan. PIKAS membantu mempertingkatkan tahap pengambilan vaksin di kalangan tenaga kerja sektor perkilangan. Ianya merupakan usaha untuk mengurangkan bilangan kluster kerja COVID-19 bagi menjamin kesejahteraan pekerja dan merencanakan pemulihan ekonomi Malaysia; dan

- vi. membangunkan Portal Pelan Pemulihan Nasional sebagai platform yang memuatkan maklumat berkaitan bantuan Kerajaan, SOP berkaitan dan dokumen PPN serta berperanan sebagai medium Komunikasi antara Kerajaan dan rakyat bagi memastikan ketelusan dalam menangani pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah, sedang dan akan terus menawarkan pelbagai insentif, inisiatif dan fasilitasi berkaitan pelaburan bagi meningkatkan keyakinan pelabur serta melonjakkan pelaburan langsung dalam negara seperti berikut:

- i. menawarkan pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindah (*relocate*) operasi mereka ke Malaysia ataupun menubuhkan operasi baharu dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa;
- ii. memberi insentif Elaun Pelaburan Semula (*Reinvestment Allowance atau RA*) tambahan sebanyak 60 peratus untuk syarikat sedia ada yang telah tamat tempoh RA dan Insentif RA Khas. Insentif ini diberikan untuk syarikat terlibat dalam aktiviti perkilangan dan pertanian terpilih serta menjalankan pelaburan semula bagi tujuan pengembangan, automasi, modenisasi dan kepelbagaian;
- iii. mewujudkan Pusat Sehenti (*One Stop Centre atau OSC*) di MIDA bagi menilai permohonan oleh pelawat perniagaan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan. Inisiatif ini dikendalikan dengan kerjasama wakil-wakil dari Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan dan MITI dalam memastikan kesahihan dan status kesihatan pelawat perniagaan sebelum memasuki Malaysia;
- iv. menubuhkan PACU atau dengan izin, *Project Acceleration and Coordination Unit* di MIDA bagi menyediakan fasilitasi secara keseluruhan (*end-to-end facilitation*) untuk memastikan semua

projek pelaburan yang telah diluluskan dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan; dan

- v. membangunkan Portal *InvestMalaysia* iaitu platform permohonan berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan secara atas talian kendalian MIDA bagi membantu mempercepatkan proses permohonan dan pertimbangan projek pelaburan berkaitan.

Selain itu, aktiviti penggalakan pelaburan juga akan dilipatgandakan bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif sebagai destinasi pelaburan pilihan melalui penganjuran Misi Perdagangan dan Pelaburan, *E-Specific Project Mission*, menandatangani perjanjian persefahaman serta menganjurkan webinar dengan kolaborasi bersama komuniti perniagaan dan menjalankan *media blitz* bagi mempromosikan Malaysia melalui media antarabangsa.

Langkah-langkah serta inisiatif yang diambil oleh Kerajaan ini terbukti memberi kesan yang signifikan apabila data-data mengenai peningkatan jumlah pelaburan diumumkan baru-baru ini. Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2021, pencapaian yang memberangsangkan telah direkodkan dengan kelulusan pelaburan swasta bernilai RM107.5 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama menunjukkan lonjakan sebanyak 69.8 peratus berbanding RM63.3 bilion pada tempoh yang sama pada tahun 2020. Pelaburan yang diluluskan ini melibatkan 2,110 projek dan dijangka menjana lebih 44 ribu peluang pekerjaan.

Jumlah pelaburan langsung asing (FDI) secara keseluruhan telah meningkat sebanyak 215 peratus kepada RM62.5 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 berbanding RM19.8 bilion pada tempoh yang sama tahun 2020. Pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang baki selebihnya iaitu sebanyak RM45 bilion, atau 41.9 peratus kepada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Antara bulan April hingga Ogos tahun 2021, MITI serta agensi-agensinya yang berkaitan, telah mengadakan Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Republik Korea, Jepun, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu,

Qatar, Republik Austria dan Republik Turki. Misi-misi ini telah berjaya mendapatkan komitmen pelaburan sebanyak RM35.97 bilion dari pelabur-pelabur yang berminat dengan potensi mewujudkan lebih daripada 28,000 peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga telah memperkenalkan kerangka dasar pelaburan baharu negara berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional atau dengan izin, *National Investment Aspiration* (NIA) yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 21 April 2021 bagi merencanakan lagi landskap pelaburan serta meningkatkan daya saing negara dalam tempoh jangka panjang. Pembaharuan kepada agenda pelaburan ini melibatkan lima (5) teras utama iaitu, meningkatkan *economic complexity*; mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi; memperluaskan rangkaian domestik; membangunkan kluster baru dan sedia ada; serta mempertingkatkan keterangkuman.

Di sebalik cabaran ekonomi global yang disebabkan oleh pandemik COVID-19, Kerajaan akan terus komited untuk melaksanakan langkah-langkah strategik dan proaktif bagi memastikan Malaysia kekal menjadi destinasi pilihan pelaburan berkualiti tinggi yang kompetitif dan berdaya saing di rantau ini. Pelbagai langkah ini amat penting bagi memastikan ekonomi negara dipulihkan dengan segera bagi menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 [SELASA]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan semasa Kerajaan bagi memastikan Roadmap Pelan Pemerkasaan Undang-undang Syariah 2020-2025 tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah baik kedudukan semua undang-undang syariah di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah merangka Pelan Pemerkasaan Undang-Undang Syariah bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2020 hingga 2025. Dalam Pelan Pemerkasaan tersebut, Kerajaan bercadang untuk menggubal 11 undang-undang syariah utama, yang merangkumi penggubalan undang-undang baharu dan pindaan undang-undang sedia ada, dan lapan (8) undang-undang subsidiari.

2. Kerajaan akan berusaha memastikan gerak kerja penggubalan dan pindaan bagi semua undang-undang syariah adalah mengikut *roadmap* yang telah ditetapkan.

3. Selain itu, Kerajaan juga sedang meneliti langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai agensi agama Islam Persekutuan untuk memastikan inisiatif-inisiatif ke arah pemerkasaan syariah terus dilaksanakan dan dijayakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021(SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah hasil siasatan kes picagari vaksin COVID-19 yang kosong. Setakat ini berapa aduan rasmi yang diterima oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan memandang serius kes dakwaan individu dicucuk dengan picagari kosong dan tidak mengikut SOP yang ditetapkan iaitu menunjukkan picagari berisi vaksin terlebih dahulu kepada penerima vaksin sebelum suntikan dilaksanakan.

Dalam hal ini, pihak CITF sedang berkerjasama dengan pihak berkuasa, termasuk Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menjalankan siasatan mengenai perkara ini.

Dakwaan terhadap kes ini telah dilaporkan kepada polis di beberapa PPV Awam iaitu PPV Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) pada 17 Julai 2021, PPV Bangi Avenue Convention Centre (BACC) pada 18 Julai 2021.

Kes pertama berlaku pada 17 Julai 2021 di PPV pandu lalu di Kem Lapangan Terbang Sungai Petani, Kedah yang dilaksanakan oleh petugas daripada Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT) di kem tersebut. Namun begitu, **TIADA** apa-apa aduan berhubung kes picagari vaksin COVID-19 yang kosong diterima oleh Jawatankuasa Siasatan Aduan Integriti CITF dan MOSTI.

Sehingga 16 Ogos 2021, dua (2) siri Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Aduan Integriti CITF telah diadakan berkaitan aduan rasmi kepada Kementerian. Melalui pembentangan kes yang disiasat oleh pasukan penyiasat PDRM, lapan (8) kertas siasatan telah dibuka, pecahan kes mengikut kategori kesalahan adalah seperti berikut:

- i. Penjualan vaksin/slot vaksinasi = 3 kes;
- ii. Penipuan tawaran jualan vaksin= 1 kes; dan
- iii. Penyamaran identiti org lain untuk dapatkan suntikan vaksin = 4 kes.

Pada masa yg sama, terdapat dua (2) aduan rasmi yg diterima oleh MOSTI:

- i. Satu (1) aduan kes berhubung identiti seorang warga asing yang disalahguna oleh individu lain untuk dapatkan vaksin, aduan telah dipanjangkan kepada pasukan penyiasat PDRM di CITF.

- ii. Satu (1) aduan kes terhadap pengurus PPV di Negeri Sembilan yang diselesaikan secara dalaman oleh CITF.

Kerajaan komited untuk memastikan kejadian picagari kosong ini tidak berulang dengan memperketatkan SOP semasa pelaksanaan vaksinasi di Pusat Pemberi Vaksin terutamanya di PPV Awam dan Swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L
ARULANANDRAM [KUALA LANGAT]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM [KUALA LANGAT] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan isu berkaitan dengan pemberian air kepada negara Singapura. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk merunding semula harga jualan air mentah ke negara Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu air antara Malaysia-Singapura melibatkan hubungan diplomasi dua-hala antara kedua-dua negara. Oleh itu, perkara ini sedang diselaraskan oleh Kementerian Luar Negeri.
2. Namun, pendirian Malaysia terhadap isu semakan semula harga air adalah amat jelas dan konsisten, iaitu Malaysia mempunyai dan mengekalkan hak untuk menyemak semula harga air mentah yang dijual kepada Singapura seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perjanjian Air Sungai Johor tahun 1962.
3. Proses perbincangan mengenai semakan semula harga air mentah ini telah diaktifkan semula sejak dari bulan Julai 2018. Proses ini seterusnya disambung dengan beberapa sesi perjumpaan antara dua negara pada 2 Disember 2019 dan 30 Januari 2020 bagi membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan semakan harga air mentah.
4. Rundingan antara kedua-dua Kerajaan mengenai semakan semula harga air di bawah Perjanjian Air Sungai Johor tahun 1962 dihentikan buat sementara waktu disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. Perbincangan dan rundingan akan diteruskan semula selepas keadaan pandemik COVID-19 di Malaysia dan Singapura pulih sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah tenaga kerja sektor pembuatan dan perkilangan sehingga Jun 2021 dan berapa ramai pekerja yang sudah lengkap divaksinasi dua dos.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik terkini yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah tenaga kerja sektor pembuatan sehingga suku pertaman tahun ini adalah seramai 2.2 juta pekerja.

Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah dilancarkan pada 16 Jun 2021 sebagai Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bertujuan membantu mempercepatkan vaksinasi dalam kalangan rakyat, dengan menyasarkan tenaga kerja dalam sektor pembuatan.

Objektif PIKAS adalah untuk meningkatkan pengambilan vaksinasi dalam kalangan tenaga kerja sektor pembuatan bagi mencapai imuniti kelompok (*herd immunity*) seterusnya mengurangkan bilangan kluster kerja COVID-19. Ini akan menjamin keselamatan pekerja-pekerja dan seterusnya membantu menyegerakan pemulihan ekonomi Malaysia.

Bagi mencapai *herd immunity*, PIKAS menyasarkan pada permulaannya seramai 2 juta pekerja sektor pembuatan untuk diberi vaksin di bawah PIKAS, iaitu kira-kira 90% daripada 2.2 juta pekerja sektor pembuatan seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia untuk suku pertama tahun 2021. Sasaran awal ini mengambil kira anggaran jumlah pekerja yang telah mendapatkan vaksinasi di bawah program PICK serta mereka yang tidak mendapatkan vaksinasi atas sebab kesihatan atau peribadi. Tempoh yang ditetapkan oleh MITI untuk mencapai sasaran tersebut adalah sehingga penghujung bulan September 2021.

Disebabkan oleh beberapa faktor, sasaran awal ini perlu diselaraskan semula berdasarkan kepada jumlah pekerja yang telah diberikan vaksin di bawah PICK terutamanya dengan pelancaran program “walk in” ke PPV PICK di bawah Operasi Surge Capacity Lembah Klang. Bagi kawasan Lembah Klang yang merangkumi negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, jumlah pekerja sektor pembuatan adalah seramai

SOALAN NO : 26

640,000 pekerja. Mengikut statistik oleh Kementerian Kesihatan (MOH) bertarikh 7 September 2021, 97% daripada populasi dewasa di Lembah Klang telah mendapatkan vaksinasi penuh (2 dos). Oleh yang demikian, adalah dijangkakan 621,000 ribu pekerja di kawasan Lembah Klang telah mendapatkan imunisasi penuh.

Bagi program PIKAS, sehingga 7 September 2021, seramai 959,193 pekerja telah dijadualkan oleh MySejahtera untuk tujuan vaksinasi. Daripada jumlah tersebut, seramai 926,845 orang pekerja telah menerima dos pertama dan sebanyak 748,172 telah menerima vaksinasi penuh (dos pertama dan kedua) di seluruh negara. Daripada jumlah pekerja di bawah PIKAS yang telah menerima vaksinasi penuh, pekerja Lembah Klang adalah seramai 237,395 pekerja. Jika ditambah dengan bilangan pekerja Lembah Klang yang mendapat imunisasi penuh di bawah program PICK, maka jumlah pekerja sektor pembuatan seluruh negara yang telah mendapatkan imunisasi penuh adalah dijangkakan melebihi 1.13 juta. Pada masa kini, pihak Kerajaan sedang giat mempertingkatkan imunisasi untuk rakyat termasuk pekerja melalui program secara "*walk in*" di bawah PICK dan pembukaan lebih banyak PPV PIKAS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021(SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:

- a) pencapaian terkini program vaksinasi kebangsaan dan berapa lamakah tempoh pertahanan antibodi seseorang yang telah menerima vaksin yang lengkap; dan
- b) jangkaan situasi kesihatan negara dan persediaan Kerajaan menghadapi gelombang penularan COVID-19 sehingga penghujung tahun 2021 dan pertengahan tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi menjawab soalan yang pertama:

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan kini telah mencapai kadar purata vaksinasi pada bulan Ogos sebanyak 464,933 dos sehari. Melihat kepada pencapaian ini, CITF optimis usaha PICK sedang berjalan mengikut landasan dan perancangan ditetapkan.

NO. SOALAN : 27

Sebagai langkah mempercepat proses vaksinasi, pihak CITF melalui Operasi Lonjakan Kapasiti telah berjaya memvaksinasi hampir 100% populasi dewasa di Lembah Klang.

Sasaran berfokus yang terdekat adalah untuk memastikan semua negeri mencapai sekurang-kurangnya 80% populasi dewasa lengkap divaksinasi menjelang penghujung bulan September, yang mana data kini menunjukkan Lembah Klang, W.P. Labuan, Sarawak, Negeri Sembilan dan Perlis telah melepasi nilai sasaran 80% manakala negeri lain sedang menuju sasaran tersebut.

Melalui usaha ini, Kerajaan percaya sasaran peralihan Fasa melalui Pelan Pemulihan Negara dapat dicapai mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

CITF akan terus memberi tumpuan pengagihan bekalan vaksin ke negeri-negeri yang mempunyai bilangan kes positif COVID-19 yang tinggi berdasarkan data semasa daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pada bulan September 2021, antara negeri yang menjadi keutamaan dalam aktiviti pengagihan bekalan vaksin berdasarkan insiden wabak COVID-19 yang tinggi ialah Sabah, Selangor dan Johor. Sekiranya kapasiti vaksinasi ini dilaksanakan mengikut perancangan tanpa gangguan terhadap stok bekalan vaksin sedia ada, beberapa negeri seperti Selangor, Sarawak, Negeri Sembilan, Perlis, Putrajaya dan Labuan dijangka dapat lengkap dos seawal September 2021. Di samping itu, Johor, Sabah, Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang dijangka selesai pada bulan Oktober 2021.

NO. SOALAN : 27

Mengenai persoalan tempoh ketahanan antibodi dalam badan, kajian mengenainya sedang dilaksanakan di Sarawak melalui projek penyelidikan kajian serologi vaksin Covid-19 yang diketuai oleh Pusat Penyakit Berjangkit Sarawak (SIDC). Pusat ini baru ditubuhkan bersama dengan Institut Perubatan Kesihatan dan Masyarakat (IHCM), Universiti Malaysia Sarawak. Kajian ini akan berlangsung selama 2 tahun dan penilaian tindak balas imun peserta akan dijalankan mengikut ketetapan protokol.

Selain daripada itu, Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) KKM juga sedang menjalankan sebuah kajian berkaitan dengan Surveilan Immunogenisiti Pasca Vaksinasi di tiga (3) buah hospital iaitu dua (2) di Sabah dan satu (1) di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kajian ini melibatkan 551 petugas kesihatan yang menerima vaksin Covid-19 *Comirnaty*. Setakat ini, selepas 3 minggu menerima dos vaksin pertama, data immunogenisiti petugas kesihatan selaku subjek kajian menunjukkan :

- i. *Spike protein antibody* dapat dikesan dalam 100% subjek kajian;
- ii. Manakala *neutralizing antibody* dapat dikesan dalam 80% peserta;
- iii. Kajian ini juga mendapati *Spike protein antibody* menambah sebanyak 1.86 kali ganda (GMFR = 1.86) dan *neutralizing antibody* menambah sebanyak 2.12 kali ganda (GMFR=2.12) selepas dos vaksin pertama.

Seterusnya, bagi jawapan kepada persoalan kedua:

Kerajaan kini bertumpu terhadap Pelan Pemulihan Negara dan seterusnya menumpu terhadap vaksinasi golongan remaja dan suntikan

NO. SOALAN : 27

dos ketiga serta dos penggalak. Pengumuman mengenai perkara ini telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 September 2021, KKM juga telah mengumumkan bahawa wabak COVID-19 akan menjadi endemik disebabkan kewujudan varian baharu seperti Delta dan MOSTI akan memberi tumpuan terhadap pembangunan vaksin sebagai satu strategi nasional demi memastikan situasi kesihatan negara dan persediaan Kerajaan menghadapi wabak sentiasa pada tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Jumlah anggota Perkhidmatan Awam Gred JUSA C ke atas yang ditempatkan secara pentadbiran (Pool) di Jabatan Perkhidmatan Awam termasuk KSU dan Ketua Pengarah jabatan yang terlibat; dan
- (b) Berapa lama seseorang penjawat awam tersebut yang ditempatkan secara pentadbiran (Pool) di JPA.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 25 Ogos 2021, seramai enam belas (16) pegawai-pegawai gred Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) telah ditempatkan di jawatan kumpulan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Tempoh penempatan pegawai di jawatan kumpulan adalah bergantung kepada kesesuaian dan kekosongan penempatan yang wujud di sesuatu Kementerian dan Jabatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ROBERT LAWSON CHUAT
[BETONG]
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:

- a) adakah Kerajaan bercadang untuk memberi vaksin kepada golongan berusia 12 hingga 18 tahun memandangkan banyak kes-kes positif melibatkan golongan ini; dan
- b) dari segi sains, adakah Kerajaan ada data untuk vaksin sedia ada adalah selamat untuk golongan berusia 18 tahun ke bawah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi menjawab soalan yang pertama:

Garis Panduan Klinikal Vaksinasi COVID-19 bagi remaja berumur 12 sehingga 17 tahun telah dikeluarkan oleh KKM pada 12 Ogos 2021 bagi tujuan vaksinasi kepada golongan remaja. Setakat ini hanya vaksin Comirnaty diluluskan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) pada 15 Jun 2021 bagi remaja berumur 12 tahun dan ke atas.

NO. SOALAN : 29

Dalam keadaan bilangan kes positif COVID-19 semasa yang masih tinggi dalam populasi dewasa, keutamaan vaksinasi masih kepada golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas di semua negeri bagi mencapai sasaran 80% populasi dewasa lengkap dua dos. Namun, vaksinasi kepada remaja ini juga amat penting terutamanya golongan pelajar sekolah yang akan mulai sesi persekolahan tidak lama lagi.

KKM telah mengumumkan bahawa vaksinasi remaja akan bermula mengikut keutamaan yang ditetapkan iaitu kepada:

- i) remaja berumur 12 tahun dan ke atas yang mempunyai 'comorbid' di hospital dan klinik kesihatan yang merawat mereka; dan
- ii) remaja berumur 16 dan 17 tahun tanpa mengira status kesihatan.

Dalam hal ini, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah memulakan vaksinasi terhadap remaja mulai 8 September yang lalu berikutan kadar vaksinasi yang tinggi dan hampir mencapai sasaran 80% daripada populasi telah divaksinasi.

Pelancaran vaksinasi remaja telah diadakan pada 20 September 2021 di SMK Putrajaya Presint 8 (1). Kerajaan menyasarkan program vaksinasi remaja ini akan berlangsung selama tiga bulan. Ini membolehkan seramai 3.2 juta kanak-kanak memperoleh perlindungan vaksin di mana 1.1 juta daripadanya adalah kalangan yang berusia 16 dan 17 tahun.

Seterusnya, bagi jawapan soalan kedua:

Vaksin Comirnaty mempunyai data efikasi dan profil keselamatan vaksin yang memuaskan terhadap jangkitan COVID-19 bagi golongan remaja berumur 12 tahun dan ke atas. Data tersebut diperolehi daripada percubaan klinikal fasa 3. Selain daripada itu, negara Amerika Syarikat telah memberikan lebih daripada 8.9 juta vaksin Comirnaty kepada golongan remaja berumur 12 tahun dan ke atas. Rentetan itu, data keselamatan vaksin Comirnaty bagi golongan tersebut telah dijana dan dilaporkan termasuk juga kesan sampingannya seperti Myokarditis dan perikarditis. Data berkaitan kesan AEFI ini akan terus dipantau dari masa ke semasa supaya diberikan rawatan sewajarnya.

Negara Singapura turut menerbitkan laporan selepas 5.5 juta vaksin diberikan kepada golongan remaja 12 tahun dan ke atas. Dalam laporan tersebut, ia menyatakan bahawa manfaat vaksin mRNA adalah *outweigh the known risk in a pandemic*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membuka semua sektor ekonomi memandangkan ekonomi negara semakin rumit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan telah pun membenarkan sektor ekonomi beroperasi semula secara beransur-ansur dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat, secara terkawal dan teratur di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) Berfasa. Ini merupakan strategi penting dalam usaha Kerajaan memulihkan ekonomi tanpa mengabaikan kesihatan dan kebajikan rakyat. Fasa 4 PPN membenarkan semua sektor ekonomi untuk beroperasi kecuali aktiviti yang melibatkan perhimpunan ramai yang tidak terkawal.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam menangani isu penjualan sijil digital vaksin palsu yang berlaku baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebagai usaha memastikan ketulenan sijil vaksin, setiap sijil vaksin yang dijana melalui melalui teknologi *blockchain* dalam MySejahtera akan mempunyai Kod QR.

Sijil vaksin ini boleh disahkan ketulenan melalui aplikasi *Vaccine Certificate Verifier* yang boleh dimuat turun secara percuma di dalam peranti pintar.

Pihak MOSTI juga sedang membangunkan laman web khas untuk membolehkan penerima vaksin mencetak sijil vaksin. Bagi individu yang

NO. SOALAN : 31

tidak mempunyai sijil vaksin atau peranti pintar pula, penerima vaksin boleh hadir ke PKD di bawah KKM yang berdekatan untuk mengesahkan maklumat vaksinasi mereka dan mendapatkan sijil vaksinasi secara bercetak melalui laman web khas ini. Ini dapat membenarkan terutamanya warga emas dan penduduk pendalaman dapat menikmati manfaat yang ditawarkan pada setiap fasa peralihan Fasa Pemulihan Negara.

Dari segi tindakan perundangan, pihak CITF memandang berat terhadap isu penjualan sijil vaksin palsu ini dan sedia mengambil tindakan pendakwaan terhadap perkara ini. Tindakan proaktif bagi memantau penularan sebarang berita palsu atau fakta tidak tepat mengenai pengambilan vaksin COVID-19 dan pasca-vaksinasi turut diberi perhatian setiap masa.

Tindakan serta merta diambil bagi menangkis berita palsu atau fakta tidak tepat supaya rakyat tidak keliru dengan berita tersebut. Penjelasan atau penerangan yang betul akan diberi melalui pelbagai saluran media termasuk melalui kenyataan akhbar secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kenapa pada 17 Jun 2021 hanya 273 PPV klinik swasta (atau PPV GPs, tidak termasuk PPV Hospital Swasta) yang terlibat dalam program vaksinasi dan setakat tarikh itu hanya menyampaikan 3,821 dos sahaja (purata 14 dos se klinik sahaja) padahal di dalam negara wujud lebih 7000 klinik swasta yang berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penglibatan Pengamal Perubatan Swasta (PPS) di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) adalah di bawah tadbir urus ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) yang telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 19 Febuari 2021.

Penglibatan PPS dalam PICK adalah bagi pelaksanaan vaksinasi Fasa 2, 3 dan 4. Pendaftaran PPS telah bermula pada 8 Mac 2021 dan latihan telah dimulakan pada 4 April 2021 serta PPS pertama memberikan vaksin adalah pada 4 Mei 2021. Sehingga 17 Jun 2021,

NO. SOALAN : 32

68,234 dos vaksin telah diberikan oleh 500 PPVGP yang terlibat di bawah PICK.

Bulan Jun merupakan permulaan bagi Fasa 3 iaitu bagi vaksinasi populasi dewasa negara dan pada ketika itu masih sedang dalam perancangan untuk mendaftar lebih ramai GP ke dalam program PICK. Stok bekalan vaksin bagi bulan Jun masih tidak mencukupi dan tumpuan adalah terhadap pelaksanaan PPV Mega dan Integrasi yang melibatkan lantikan panel pengamal perubatan swasta.

Terdapat beberapa jenis PPV di bawah tadbir urus ProtectHealth seperti PPVGP, PPV Hospital Swasta (PPVHS), PPV Klinik Pakar (PPVKP), PPV Pusat Jagaan Ambulatori (PPVACC), PPV Integrasi, PPV Astra Zeneca (PPVAZ), PPV Industri (PPVIN), PPV Mobile dan PPV NGO.

Setakat 15 September 2021, anggaran 2,000 lebih klinik dan hospital swasta telah terlibat dengan PICK dan semua yang berdaftar di bawah ProtectHealth telah memberikan sumbangan sebanyak 18,527,831 dos vaksinasi iaitu 47% daripada keseluruhan dos vaksin di bawah PICK.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen dan usaha Kerajaan di dalam memperkenalkan Rang Undang-undang Anti Lompat Parti bagi mengekang aktiviti lompat parti yang boleh menjejaskan kestabilan politik

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kestabilan negara menjadi agenda utama ke arah pemulihan negara memerangi pandemik Covid-19 serta memulihkan ekonomi. Ini termasuklah usaha menyelesaikan kemelut politik melalui prinsip kebersamaan antara parti Kerajaan dan pembangkang dalam memastikan ketidakstabilan politik di Malaysia dapat ditangani dengan lebih baik.

Kerajaan komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini memaktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia. Transformasi ini termasuklah komitmen Kerajaan untuk membentangkan RUU Anti-Lompat di Parlimen.

Pelaksanaan transformasi ini juga selaras dengan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tentang peri pentingnya sebuah pentadbiran yang stabil dan dapat berfungsi secara biasa dalam keadaan negara menghadapi pelbagai krisis.

Selain itu, Kerajaan juga menjunjung titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui titah yang disampaikan semasa Istiadat Pembukaan Penggal Parlimen supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mengembalikan fokus kepada usaha memerangi pandemik COVID-19 serta membawa kembali sinar kepada rakyat dan negara tanah tumpahnya darah kita.

Justeru, menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan prinsip kebersamaan akan terus diamalkan agar dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi kepercayaan tinggi kepada Ahli-ahli Parlimen. Kerajaan juga akan memastikan sistem demokrasi berparlimen sentiasa disanjung tinggi agar kepentingan rakyat dan negara sebagai satu 'Keluarga Malaysia' dapat diutamakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa bilangan Pusat Suntikan Vaksin yang telah dibuka di Pulau Pinang sehingga sekarang dan adakah Kerajaan bercadang untuk menukar lokasi pusat pemberian vaksin dari satu lokasi ke lokasi yang lain berdasarkan kepada jangkitan wabak COVID-19 di sesuatu tempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 20 September 2021, Pulau Pinang telah mencapai 75.3% daripada populasi dewasa negeri lengkap divaksin manakala seramai 94.6% pula telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Ada 12 PPV Bukan Kesihatan sedia ada (5 Integrasi, 5 PPV Awam dan 2 PPV IPT). PPV Industri pula, setakat 15 September 2021, sebanyak 6 PPV Industri beroperasi yang terdiri daripada sektor perhotelan, pengangkutan dan pembinaan. Jumlah ini tidak termasuk PPV di bawah

PPV Pengamal Perubatan Swasta (*General Practitioner -GP*) dan PPV Hospital Swasta.

Setakat ini, kapasiti PPV di Pulau Pinang adalah hampir 30,000 dos sehari dan agihan bekalan vaksin pula, telah diterima sebanyak 2.56 juta dos vaksin dengan penggunaan sebanyak 2.28 juta dos iaitu 89.2% daripada stok diterima.

Memandangkan pelaksanaan vaksinasi di Pulau Pinang telah melebihi 90% populasi dewasa menerima sekurang-kurangnya satu dos, tiada perancangan baharu untuk penambahan atau penukaran PPV sedia ada.

Dari segi penutupan PPV pula, sehingga pada 18 September 2021, sebanyak 2 buah PPV Awam di Pulau Pinang telah ditutup iaitu PPV Kompleks Masyarakat Penyayang dan Dewan Balai Raya Bayan Baru dan satu dalam perancangan untuk penutupan iaitu PPV Awam *One Hope Charity & Welfare* di Seberang Perai Tengah.

Bagi tujuan menangani penularan wabak COVID-19, CITF sedang melaksanakan PPV *outreach* ke lokasi-lokasi yang telah diisytihar sebagai kawasan wabak dalam fasa 4 serta mencapai populasi penduduk yang mempunyai kesukaran mobilisasi. Daerah tertinggi dalam pelaksanaan *outreach* ialah Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Tengah. Sehingga 17 September 2021, negeri Pulau Pinang telah melaksanakan sebanyak 197 sesi *outreach* di pelbagai lokasi setiap daerah dan telah menyelesaikan seramai 21,009 orang lengkap divaksin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Pendaftaran Pengundi secara automatik dan penguatkuasaan usia kelayakan mengundi 18 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan iaitu berhubung umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik sebagaimana yang diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas.

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR ini adalah meliputi pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan standard operating procedures (SOP) dan penyediaan sistem serta infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

SOALAN NO : 35

Di samping itu, SPR juga telah mengenal pasti beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan sebelum pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik. Antaranya ialah membuat semakan maklumat bakal pemilih, semakan di lapangan yang melibatkan bakal pengundi berumur 90 tahun dan ke atas, semakan di lapangan ke atas alamat untuk memastikan penentuan bahagian pilihan raya yang tepat, sesi libat urus dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan, program pendidikan pengundi kepada bakal pemilih dan menyemak keperluan logistik bagi persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 yang akan datang.

SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan termasuklah menangani isu-isu yang berkaitan ini akan dapat diselesaikan dan seterusnya melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada September 2022.

Namun demikian, keputusan semakan kehakiman isu Undi 18 di Mahkamah Tinggi Kuching telah memerintahkan supaya umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

Justeru, walaupun dengan kekangan dan kekurangan, **SPR komited untuk memastikan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan berdasarkan kepada keputusan mahkamah.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG
[LABIS]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan yang akan diberikan supaya perbicaraan kes-kes kluster mahkamah dapat dijalankan tanpa sebarang campur tangan atau gangguan dari mana-mana pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semua prosiding mahkamah termasuklah prosiding yang melibatkan kes-kes yang disebut oleh orang ramai sebagai “kluster mahkamah”, diuruskan dan dikendalikan oleh Hakim yang berkenaan. Oleh itu, isu campur tangan atau gangguan dari mana-mana pihak adalah tidak berbangkit.

Urusan dan pengendalian prosiding mahkamah sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara adalah tertakluk kepada Arahan-Arahan oleh YAA Ketua Hakim Negara di bawah kuasa yang diberikan oleh seksyen 16A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] dan seksyen 3A Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] yang diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829] yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Antara arahan yang berkuat kuasa pada masa ini adalah:

- (a) Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 9 tahun 2021 Urusan dan Pengendalian Prosiding Kes Jenayah Di Mahkamah Semasa Tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa I dan II; dan
- (b) Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 10 tahun 2021 Urusan dan Pengendalian Prosiding Kes Jenayah Di Mahkamah Semasa Tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa III.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN
MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos termasuk saraan, elaun, pejabat dan staf bagi Duta-Duta Khas bertaraf Menteri dari tahun 2020 sehingga 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap pejabat Duta Khas (iaitu Pejabat Duta Khas Ke Timur Tengah, Pejabat Duta Khas Ke Republik Rakyat China dan Pejabat Duta Khas Ke Jepun, Korea Selatan & Taiwan) dibekalkan dengan peruntukan perjawatan seperti Perjanjian Perkhidmatan yang telah termeterai :

- (i) Setiausaha Sulit Kanan Gred 54
(anggaran gaji bulanan : RM 13, 251 – maksimum atas Jadual Gaji Min Maks yang berkuatkuasa, Imbuhan Tetap : RM 2000.00)
- (ii) Pegawai Khas Gred 52
(anggaran gaji bulanan : RM12,444.00 - Jadual Gaji Min Maks yang berkuatkuasa, Imbuhan Tetap : RM 1,600.00)
- (iii) Setiausaha Sulit Gred 41/44
(anggaran gaji bulanan : RM 10,406.00 Jadual Gaji Min Maks yang berkuatkuasa, Imbuhan Tetap : RM 1100)
- (iv) Setiausaha Pejabat
(anggaran gaji bulanan : RM 3,256.00 Jadual Gaji Min Maks yang berkuatkuasa Imbuhan Tetap : RM 810)
- (v) Pemandu
(anggaran gaji bulanan : RM 2,939.00 Imbuhan Tetap : RM 745)

Semua Pejabat Duta-Duta Khas bertaraf Menteri iaitu Pejabat Duta Khas ke Timur Tengah, Pejabat Duta Khas ke Republik Rakyat China dan Pejabat Duta Khas ke Jepun, Korea Selatan & Taiwan telah ditempatkan di ruang pejabat sedia ada di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya yang tidak melibatkan sebarang kos secara langsung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal undang-undang dan/atau pindaan kepada undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan untuk tidak membenarkan mana-mana Ahli Parlimen dari melompat parti selepas sesuatu Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya kecil pada sesi sidang Parlimen ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kestabilan negara menjadi agenda utama ke arah pemulihan negara memerangi pandemik Covid-19 serta memulihkan ekonomi. Ini termasuklah usaha menyelesaikan kemelut politik melalui prinsip kebersamaan antara parti Kerajaan dan pembangkang dalam memastikan ketidakstabilan politik di Malaysia dapat ditangani dengan lebih baik.

Kerajaan komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini memaktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia. Transformasi ini termasuklah komitmen Kerajaan untuk membentangkan RUU Anti-Lompat di Parlimen.

Pelaksanaan transformasi ini juga selaras dengan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tentang peri pentingnya sebuah pentadbiran yang stabil dan dapat berfungsi secara biasa dalam keadaan negara menghadapi pelbagai krisis.

Selain itu, Kerajaan juga menjunjung titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui titah yang disampaikan semasa Istiadat Pembukaan Penggal Parlimen supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mengembalikan fokus kepada usaha memerangi pandemik COVID-19 serta membawa kembali sinar kepada rakyat dan negara tanah tumpahnya darah kita.

Justeru, menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan prinsip kebersamaan akan terus diamalkan agar dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi kepercayaan tinggi kepada Ahli-ahli Parlimen. Kerajaan juga akan memastikan sistem demokrasi berparlimen sentiasa disanjung tinggi agar kepentingan rakyat dan negara sebagai satu 'Keluarga Malaysia' dapat diutamakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tindakan yang telah diambil dan/atau yang akan diambil untuk memastikan warga Perak mendapat suntikan vaksin COVID-19 dengan secepat mungkin. Adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin Awam (PPV) di daerah Kampar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 20 September 2021, seramai 83.6% populasi dewasa telah mendapat sekurang-kurangnya satu dos manakala seramai 61.9% telah menerima dua dos lengkap di negeri Perak. Semua daerah di negeri Perak telah melepasi nilai ambang 40% yang telah ditetapkan di bawah Pelan Pemulihan Negara dan kini sedang menuju sasaran nilai ambang sebanyak 60% menjelang penghujung bulan September 2021. Sebanyak 8 daerah di Perak pula telah melepasi nilai ambang 60% pada 20 September 2021 iaitu Hulu Perak, Hilir Perak, Batang Padang, Kampar, Bagan Datuk, Manjung, Muallim dan Perak Tengah.

Agihan bekalan vaksin di negeri Perak bagi bulan Ogos 2021 pula adalah sebanyak 780,192 dos manakala dianggarkan sebanyak 1,622,140 dos bagi bulan September 2021 iaitu hampir dua kali ganda agihan bulan Ogos 2021. Daerah Kampar mempunyai bilangan populasi dewasa lengkap dos sebanyak 79.2% iaitu tertinggi di antara semua daerah di Perak dan sehingga kini tiada perancangan penambahan PPV di daerah tersebut. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos perbelanjaan bagi aplikasi MySejahtera setakat ini dan apakah syarat-syarat di bawah kontrak tersebut terutamanya terhadap mereka yang bertanggungjawab apabila terdapat masalah/isu aplikasi tersebut memandangkan aplikasi MySejahtera masih banyak masalah dan perkhidmatannya kurang memuaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Aplikasi MySejahtera bermula sebagai *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan telah tamat tempoh CSR yang diberikan selama satu (1) tahun iaitu pada 31 Mac 2021.

Sehingga kini tiada bayaran yang dibuat oleh Kerajaan kepada syarikat pembangun sistem dan aplikasi tersebut. Namun, selaras dengan kepentingan MySejahtera sebagai aplikasi nasional dalam pengurusan pandemik COVID-19 yang boleh dipertingkatkan, Kerajaan telah memutuskan untuk membuat pembayaran bermula daripada 1 April 2021.

SOALAN NO : 40

Penilaian bagi kaedah dan jumlah pembayaran sedang dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan turut dianggotai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sepertimana syarat-syarat dibawah kontrak perolehan Kerajaan yang lain, pihak kontraktor perlulah mematuhi *Service Level Agreement* (SLA) yang ditetapkan dalam memastikan ketersediaan perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, mengambil kira faedah yang diperolehi dengan aplikasi ini, pernyataan bahawa aplikasi MySejahtera masih banyak masalah dan perkhidmatannya kurang memuaskan adalah kurang tepat dan mungkin perlu diperjelaskan lagi. Ini kerana sejak awal pembangunan, aplikasi ini terus ditambahbaik secara berterusan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci apakah persiapan rapi untuk melaksanakan UNDI 18 menjelang PRU ke 15 dan anggaran jumlah kos yang terlibat

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan iaitu berhubung umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik sebagaimana yang diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas.

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR ini adalah meliputi pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan standard operating procedures (SOP) dan penyediaan sistem serta infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

SOALAN NO : 41

Di samping itu, SPR juga telah mengenal pasti beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan sebelum pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik. Antaranya ialah membuat semakan maklumat bakal pemilih, semakan di lapangan yang melibatkan bakal pengundi berumur 90 tahun dan ke atas, semakan di lapangan ke atas alamat untuk memastikan penentuan bahagian pilihan raya yang tepat, sesi libat urus dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan, program pendidikan pengundi kepada bakal pemilih dan menyemak keperluan logistik bagi persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 yang akan datang.

SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan termasuklah menangani isu-isu yang berkaitan ini akan dapat diselesaikan dan seterusnya melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada September 2022. Namun demikian, keputusan semakan kehakiman isu Undi 18 di Mahkamah Tinggi Kuching telah memerintahkan supaya umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

Justeru, walaupun dengan kekangan dan kekurangan, **SPR komited untuk memastikan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan berdasarkan kepada keputusan mahkamah.**

Berhubung pelaksanaan Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15, anggaran peruntukan untuk mengadakan PRU Ke-15 adalah sebanyak RM1.01 bilion. Jumlah peruntukan ini adalah untuk mengadakan pilihan raya bagi pengundi berdaftar berumur 21 tahun dan ke atas sahaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Undi 18 tanpa menunggu pelaksanaan pendaftaran automatik yang akan mengambil masa dan sama ada pindaan undang-undang akan dibentangkan di Parlimen untuk tujuan tersebut sebelum pilihan raya yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan kepada Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan yang diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas adalah meliputi umur kelayakan pengundi 18 tahun bersekali dengan pendaftaran pemilih secara automatik. Bagi maksud tersebut, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan kedua-duanya selaras dengan pindaan tersebut.

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR ini adalah meliputi pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan standard

SOALAN NO : 42

operating procedures (SOP) dan penyediaan sistem serta infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

Di samping itu, SPR juga telah mengenal pasti beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan sebelum pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik. Antaranya ialah membuat semakan maklumat bakal pemilih, semakan di lapangan yang melibatkan bakal pengundi berumur 90 tahun dan ke atas, semakan di lapangan ke atas alamat untuk memastikan penentuan bahagian pilihan raya yang tepat, sesi libat urus dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan, program pendidikan pengundi kepada bakal pemilih dan menyemak keperluan logistik bagi persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 yang akan datang.

SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan termasuklah menangani isu-isu yang berkaitan ini akan dapat diselesaikan dan seterusnya melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada September 2022.

Namun demikian, keputusan semakan kehakiman isu Undi 18 di Mahkamah Tinggi Kuching telah memerintahkan supaya umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

Justeru, walaupun dengan kekangan dan kekurangan, **SPR komited untuk memastikan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan berdasarkan kepada keputusan mahkamah.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN WONG SHU QI
[KLUANG]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

**PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta MENTERI KANAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-**

(a) berapa jumlah dan peratusan penggunaan automasi di Malaysia sehingga 1 September 2021 mengikut sektor ekonomi dan pekerjaan; dan

(b) sejauh manakah dasar Industry4WRD bagi telah menggalakkan automasi dalam pekerjaan pada waktu COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan dalam menilai kadar atau tahap automasi di dalam sektor pengilangan adalah berdasarkan kepada tahap penerimaan syarikat terhadap program dan inisiatif yang diperkenalkan ke arah menggalakkan syarikat untuk mengaplikasikan teknologi di dalam proses pengeluaran produk dan pengurusan syarikat.

Kerajaan telah melancarkan Dasar Negara Mengenai Industri 4.0: *Industry4WRD* pada 31 Oktober 2018 bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan khususnya PKS untuk mengaplikasi teknologi Industri 4.0 di dalam proses pembuatan serta sistem pengurusan syarikat. Di bawah dasar tersebut, dua (2) program khusus telah diperkenalkan iaitu *Readiness Assessment (RA)* dan *Industry4WRD Intervention Fund* (Dana Intervensi) untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam transformasi kepada Industri 4.0 yang merangkumi aspek latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi.

i. Program Penilaian Kesediaan Industry4WRD (Industry4WRD Readiness Assessment - RA)

Program *Readiness Assessment - RA* bertujuan untuk mengenal pasti jurang keupayaan syarikat daripada aspek teknologi, modal insan dan proses untuk mengaplikasikan teknologi Industri 4.0. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2019 sehingga Ogos 2021, sebanyak 1,030 PKS telah dipilih untuk menjalani program RA berbanding unjuran sebanyak 966, di mana 962 syarikat adalah daripada sektor pengilangan, manakala baki 68 syarikat adalah daripada sektor perkhidmatan berkaitan pengilangan (*Manufacturing Related Services - MRS*). Syarikat-syarikat yang terlibat adalah terdiri daripada sektor pengeluaran produk makanan, fabrikasi logam, produk getah dan plastik, mesin dan peralatan, perabot, bahan kimia dan produk kimia, minuman, produk mineral bukan logam, produk kayu dan gabus serta produk farmaseutikal.

ii. Program Dana Intervensi Industry4WRD (Industry4WRD Intervention Fund)

Setelah selesai melalui proses RA, syarikat-syarikat adalah layak untuk memohon Dana Intervensi Industry4WRD (Intervention Fund) bagi tujuan menanggung perbelanjaan berkaitan latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi. Dana ini menyediakan geran kepada syarikat yang layak dengan nisbah 70 peratus ditanggung oleh Kerajaan, tertakluk kepada had maksimum RM500 ribu, dan 30 peratus lagi ditanggung terlebih dahulu oleh pihak syarikat.

Sejak bulan Januari 2020 sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak 144 syarikat telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM51.56 juta berbanding unjuran keseluruhan sebanyak 93 syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

MITI melalui MIDA, juga menyediakan insentif cukai dan geran bagi menggalakkan peningkatan automasi terutamanya di kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) iaitu Insentif Elaun Modal Automasi (Automation Capital Allowance – ACA), Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF), dan Geran Automasi Pintar (Smart Automation Grant - SAG).

Sejak diperkenalkan pada tahun 2015 sehingga Ogos 2021, sebanyak 416 syarikat telah diluluskan Insentif Elaun Modal Automasi (ACA) dimana 169 syarikat iaitu 40.6 peratus adalah daripada sektor-sektor berintensifkan buruh yang disasarkan seperti tekstil dan produk tekstil, produk plastik, kayu dan produk kayu, perabot dan kelengkapan serta produk getah.

Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) menyasarkan syarikat-syarikat di dalam sektor aeroangkasa, peranti perubatan, farmaseutikal, elektronik termaju serta jentera dan kelengkapan di mana geran disediakan untuk membiayai penyelidikan dan pembangunan (R&D), latihan teknikal dan kemahiran serta pensijilan. Berdasarkan kepada

SOALAN NO : 43

pakej rangsangan PENJANA, industri yang diklasifikasikan sebagai National Security turut disasarkan di bawah DISF.

Geran Automasi Pintar (SAG) bertujuan untuk membantu syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Pertengahan (Mid-Tier Companies - MTC) mengautomasikan proses pengeluaran dan operasi syarikat. Geran SAG ini adalah diberikan secara padanan (50:50) sehingga had maksimum sebanyak RM1 juta bagi setiap syarikat.

Bagi membantu syarikat PKS dan MTC untuk kekal berdaya saing dalam berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19 yang telah mengekang pergerakan pekerja seterusnya menjejaskan operasi syarikat yang bergantung kepada tenaga buruh, peruntukan sebanyak RM100 juta diperuntukan di bawah pakej rangsangan PENJANA dan PEMERKASA.

Sehingga 1 Ogos 2021, sebanyak 107 syarikat telah diluluskan geran SAG dengan nilai padanan (50:50) berjumlah sebanyak RM65.7 juta, dengan 85% penerima geran adalah syarikat-syarikat PKS dan selebihnya adalah syarikat MTC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO (BATU KAWAN) minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) bilakah Kerajaan akan meminda Kanun Keseksaan agar tindakan membunuh diri bukan satu jenayah; dan
- (b) adakah Kerajaan akan menetapkan moratorium untuk tindakan membunuh diri dan berapa bilangan kes bunuh diri dari tahun 2019 sehingga kini mengikut pecahan bulan dan bilangan pendakwaan ke atas mereka yang cuba membunuh diri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bilakah Kerajaan akan meminda Kanun Keseksaan agar tindakan membunuh diri bukan satu jenayah;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara (AGC) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia kerana berdasarkan statistik setakat 2015 insiden percubaan membunuh diri semakin meningkat dan meliputi pelbagai peringkat umur. Isu percubaan membunuh diri menjadi lebih meruncing pada masa ini kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu menjadikan ramai kehilangan sumber pendapatan atau hilang pekerjaan. Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk mengekang perbuatan tersebut.

Berdasarkan hasil kajian perbandingan peruntukan undang-undang mengenai percubaan untuk membunuh diri di United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura, didapati negara-negara tersebut telah mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan. Ini bermakna percubaan membunuh diri bukan lagi suatu kesalahan jenayah di negara-negara tersebut.

Oleh itu, berdasarkan perkembangan undang-undang berkaitan di negara yang dikaji, AGC sedang menimbang cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya.

SOALAN NO : 44

AGC juga sedang meneliti dengan lebih lanjut pilihan perundangan yang ada serta implikasi perundangan sekiranya kesalahan percubaan membunuh diri dikeluarkan daripada sistem keadilan jenayah. Di samping itu, AGC sedang meneliti keperluan untuk meminda undang-undang lain yang berbangkit daripada pengeluaran kesalahan percubaan membunuh diri daripada sistem jenayah.

(b) adakah Kerajaan akan menetapkan moratorium untuk tindakan membunuh diri dan berapa bilangan kes bunuh diri dari tahun 2019 sehingga kini mengikut pecahan bulan dan bilangan pendakwaan ke atas mereka yang cuba membunuh diri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan moratorium tindakan membunuh diri adalah tertakluk kepada dapatan kajian pihak AGC. Statistik kes bunuh diri yang dilaporkan kepada pihak PDRM dari tahun 2019 sehingga 31 Julai 2021 adalah seperti berikut:

BIL	KONTINJEN	TAHUN			JUMLAH
		2019	2020	2021 (JAN- JUL)	
1	Johor	101	101	90	292
2	Kedah	35	16	36	87
3	Kelantan	18	30	4	52
4	Kuala Lumpur	82	60	72	214
5	Melaka	12	22	17	51
6	Negeri Sembilan	42	44	26	112
7	Pahang	35	37	23	95
8	Perak	42	56	72	170
9	Perlis	1	0	2	3
10	Pulau Pinang	63	65	65	193

SOALAN NO : 44

BIL	KONTINJEN	TAHUN			JUMLAH
		2019	2020	2021 (JAN- JUL)	
11	Sabah	24	49	27	100
12	Sarawak	54	40	39	133
13	Selangor	90	96	156	342
14	Terengganu	10	15	9	34
JUMLAH		609	631	638	1878

Manakala, bilangan kes cubaan membunuh diri yang didakwa daripada tahun 2018 sehingga Jun 2021 ialah 902 kes. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 261 kes telah didakwa pada tahun 2018, 243 kes telah didakwa pada tahun 2019, 223 kes telah didakwa pada tahun 2020 dan sebanyak 175 kes telah didakwa dalam tempoh Januari hingga Jun 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 [SELASA]

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status pembinaan projek tebatan banjir di daerah Penampang kerana banjir sentiasa berlaku di kebanyakan kawasan di Penampang setiap kali hujan lebat sehingga mengakibatkan kerugian yang besar kepada peniaga dan pemilik rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Kerajaan telah meluluskan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Moyog (Pakej 1 dan Pakej 3), Sabah dengan kos sebanyak RM281 juta bagi mengurangkan risiko banjir di sebahagian kawasan di daerah Penampang.
2. Pelaksanaan projek mengalami kelewatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) yang bermula dari 12 Mei 2021 sehingga 28 Jun 2021 dan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN).
3. Walau bagaimanapun, setelah mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), kerja-kerja pembinaan PLSB Sungai Moyog Pakej 3 telah beroperasi semula pada 6 Jun 2021. Manakala PLSB Sungai Moyog Pakej 1 pada ketika itu tidak mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Pihak kontraktor juga diminta membuat perancangan semula bagi mematuhi *Standard Operation Procedure (SOP)* yang ditetapkan oleh Kerajaan semasa melaksanakan kerja pembinaan di tapak. Pada masa ini, kerja-kerja pembinaan PLSB Sungai Moyog bagi kedua-dua Pakej 3 dan Pakej 1 telah mendapat kelulusan pihak MITI dan kerja-kerja pembinaan dalam peringkat pelaksanaan.
4. Permasalahan yang turut menyumbang kepada kelewatan termasuk isu penempatan setingan di jajaran parit yang akan dibina, pengalihan utiliti kabel Syarikat Sabah Elektrik Sdn Bhd dan Jabatan Air Negeri Sabah. Dalam hal ini pihak Kementerian sedang bekerjasama dengan Jabatan Tanah dan Ukur Negeri dan Syarikat Utiliti terlibat bagi mencari jalan penyelesaian kepada perkara ini agar projek dapat disiapkan mengikut jadual pada tahun 2023.

5. Selain daripada pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir di kawasan Penampang, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga telah melaksanakan kerja segera (*quick-win*) untuk mengurangi banjir di sebahagian kawasan di Penampang dengan melaksanakan Kerja Pemuliharaan Sungai Akibat Banjir di Kampung Buzut-Ulu Kitangang/Gandou, Daerah Penampang di bawah Program Kerja-Kerja Kecemasan di Luar Jangka (Sebelum dan Selepas Banjir) dengan kos perolehan sebanyak RM129,788.00 .

6. Selain daripada penyelesaian jangka pendek dan penyelesaian jangka panjang yang dilaksanakan, Kementerian juga berpandangan aspek kesedaran di kalangan masyarakat dan penduduk setempat haruslah ditingkatkan agar tidak membuang sampah ke dalam sistem perparitan dan sungai kerana ianya boleh menyebabkan aliran air terhalang dan bertakung serta menjadi salah satu punca kejadian banjir berlaku.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah membayar atau dikehendaki untuk membuat bayaran kepada aplikasi MySejahtera dalam penggunaannya khususnya dalam Program PICK.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Aplikasi MySejahtera bermula sebagai *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan telah tamat tempoh CSR yang diberikan selama satu (1) tahun iaitu pada 31 Mac 2021. Sehingga kini, tiada bayaran yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia kepada syarikat pembangun sistem dan aplikasi tersebut.

Namun begitu, selaras dengan kepentingan MySejahtera sebagai aplikasi nasional dalam pengurusan pandemik COVID-19 dan potensi aplikasi ini untuk diperkembangkan dalam mempertingkatkan lonjakan pendigitalan kepada sektor kesihatan negara, Kerajaan telah memutuskan untuk membuat pembayaran bermula daripada 1 April 2021.

Penilaian bagi kaedah dan jumlah pembayaran sedang dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan turut dianggotai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membuang peruntukan yang menyekat mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan daripada bertanding semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan hanya menyatakan kelayakan dari segi kelayakan had umur untuk menjadi ahli Parlimen (tertakluk kepada Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan). Tiada dinyatakan sekatan bagi mana-mana wakil rakyat yang sama dilantik semula sebagai ahli Parlimen.

Pada ketika ini tiada peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang menyekat mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan daripada bertanding semula melainkan mana-mana wakil rakyat telah hilang kelayakan di bawah Perkara 48(1)(e) atau (2) Perlembagaan Persekutuan, maka hendaklah terhenti dari menjadi ahli Majlis Parlimen dan kerusinya hendaklah menjadi kosong sebaik sahaja hilang kelayakan berkuatkuasa menurut Fasal (4) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan pula menyatakan mana-mana ahli Majlis Parlimen boleh melepaskan keahliannya secara bertulis dan ditandatangani sendiri yang ditujukan kepada Speaker.

Tiada maklumat dari Kerajaan setakat ini untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuang (sekiranya ada) atau sebaliknya peruntukan spesifik yang menyekat mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan daripada bertanding semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan yang baharu dibentuk ini dapat meneruskan segala inisiatif yang telah direncanakan oleh mantan Perdana Menteri terdahulu khususnya segala projek-projek pembangunan infrastruktur yang dijalankan di kawasan Parlimen Julau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif yang telah direncanakan oleh Kerajaan untuk manfaat dan kesejahteraan rakyat akan diteruskan. Kerajaan ini adalah Kerajaan yang prihatin kepada keperluan rakyat. Projek-projek pembangunan infrastruktur yang dijalankan di kawasan Parlimen Julau akan diteruskan. Langkah ini tidak terhad di kawasan Parlimen Julau sahaja, malah meliputi seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai hasrat untuk membawa pembaharuan kepada institusi-institusi Kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya dan Parlimen untuk meletakkan Malaysia di landasan yang betul dan progresif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat komited dalam memacu pembaharuan kepada institusi melalui usaha pemerkasaan governans, integriti dan antirasuah. Langkah ini diambil melalui pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang menggabungkan semua usaha mengenai governans, integriti dan antirasuah di bawah satu pelan bersepadu.

Antara inisiatif yang telah digariskan dalam NACP berhubung usaha pembaharuan institusi adalah seperti berikut:

- i) Mereformasi sistem perundangan dan pilihan raya;
- ii) Mentransformasi Biro Pengaduan Awam kepada Ombudsman Malaysia;

SOALAN NO : 49

- iii) Memperkasa tadbir urus Parlimen dengan mengkaji keperluan bagi memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963;
- iv) Memperkasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya, peruntukan kewangan, jawatankuasa pemantau, penubuhan suruhanjaya perkhidmatan dan tenaga kerja;
- v) Memperkasa pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya dalam menguruskan kebajikan, logistik, tenaga kerja dan peruntukan kewangan untuk latihan;
- vi) Menubuhkan suruhanjaya bebas bagi menangani isu integriti dan mengekang salah laku anggota PDRM;
- vii) Mengukuhkan kebebasan Jabatan Audit Negara (JAN) melalui ketersediaan sumber yang lebih baik dalam aspek pengurusan sumber manusia, perjawatan dan peruntukan kewangan; dan
- viii) Mengkaji penambahbaikan keberkesanan institusi sistem perundangan dan kehakiman iaitu memastikan pengasingan kuasa yang jelas dalam memartabatkan keadilan, iaitu kuasa Pendakwaraya hendaklah dasingkan daripada kuasa Peguam Negara.

Sehubungan itu, tindakan sedang diambil oleh agensi-agensi Kerajaan berkaitan melalui kajian terperinci agar pembaharuan yang dibuat terhadap beberapa undang-undang sedia ada bagi tujuan pembaharuan institusi di atas dapat memastikan prinsip kedaulatan undang-undang dan mekanisme pelaksanaan institusi yang berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan tujuh tawaran Kerjasama Rentas Parti yang dibentang oleh bekas Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin, termasuk penggubalan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti, peruntukan sama rata kepada semua Ahli Parlimen tanpa mengira parti, dan pelaksanaan Undi 18 tanpa perlu menunggu pendaftaran automatik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kestabilan negara menjadi agenda utama ke arah pemulihan negara memerangi pandemik Covid-19 serta memulihkan ekonomi. Ini termasuklah usaha menyelesaikan kemelut politik melalui prinsip kebersamaan antara parti Kerajaan dan pembangkang dalam memastikan ketidakstabilan politik di Malaysia dapat ditangani dengan lebih baik.

Kerajaan juga komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini memuktubkan nilai-nilai murni dan

muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia. Transformasi ini termasuklah komitmen Kerajaan untuk membentangkan RUU Anti-Lompat di Parlimen.

Pelaksanaan transformasi ini juga selaras dengan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tentang peri pentingnya sebuah pentadbiran yang stabil dan dapat berfungsi secara biasa dalam keadaan negara menghadapi pelbagai krisis.

Selain itu, Kerajaan juga menjunjung titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui titah yang disampaikan semasa Istiadat Pembukaan Penggal Parlimen supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mengembalikan fokus kepada usaha memerangi pandemik COVID-19 serta membawa kembali sinar kepada rakyat dan negara tanah tumpahnya darah kita.

Justeru, menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan prinsip kebersamaan akan terus diamalkan agar dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi kepercayaan tinggi kepada Ahli-ahli Parlimen. Kerajaan juga akan memastikan sistem demokrasi berparlimen sentiasa disanjung tinggi agar kepentingan rakyat dan negara sebagai satu 'Keluarga Malaysia' dapat diutamakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memastikan syarikat GLC beroperasi secara profesional dengan kakitangan berkelayakan tanpa campur tangan ahli politik sebagai langkah mengurangkan kadar rasuah negara yang berada di kedudukan 57 daripada 180 menurut Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu inisiatif yang digariskan di bawah strategik Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, Kerajaan akan memastikan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) beroperasi secara profesional dengan kakitangan berkelayakan tanpa campur tangan ahli politik sebagai langkah menangani risiko rasuah. Langkah ini diambil melalui pelaksanaan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah menggariskan strategi untuk memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat yang merangkumi syarikat berkepentingan Kerajaan sama ada Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Pindaan sedang dibuat ke atas Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 mengenai “Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan“ dan tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja berhubung dasar, prinsip dan peraturan semasa berkaitan pelantikan mana-mana Pengurusan Tertinggi di Badan Berkanun Persekutuan dan anak syarikat termasuklah pelaksanaan tapisan integriti dalam pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL RAHIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Perkara 43(4) Perlembagaan Persekutuan supaya lebih jelas dari segi Perlembagaan tentang penentuan majoriti sokongan kepercayaan Ahli Dewan Rakyat terhadap Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perenggan (a) Fasal (2) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai pelantikan Perdana Menteri di mana Yang di-Pertuan Agong (“YDPA”) hendaklah terlebih dahulu melantik Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Perenggan (a) Fasal (2) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut:

“43. (2) Jemaah Menteri hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu:

(a) Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu;”.

Fasal (4) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan selanjutnya memperuntukkan Perdana Menteri yang tidak mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh YDPA. Fasal (4) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan adalah seperti yang berikut:

“43.(4) Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.”.

Dalam hal ini, kaedah penentuan hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat terhadap Perdana Menteri tidak diperuntukkan dalam Fasal (4) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan.

Namun, penentuan hilang majoriti terhadap Kerajaan boleh dizahirkan melalui sumber luaran seperti petisyen, representasi, akuan dan sebagainya dan bukan hanya terhad melalui suatu pengundian yang dibuat di Dewan Rakyat (dibuat melalui usul dan seterusnya undi yang dilakukan dalam Dewan Rakyat), sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin v Dato' Seri Dr Zambry bin Abdul Kadir (Attorney General, intervener) [2010] 2 MLJ 285*, dan Mahkamah Tinggi dalam kes *Datuk (Datu) Amir Kahar bin Tun Datu Haji Mustapha v Tun Mohd Said bin Keruak Yang Di-Pertua Negeri Sabah & Ors [1995] 1 MLJ 1* dan kes *Tan Sri Musa Hj Aman v Tun Datuk Seri Panglima Hj Juhar Hj Mahiruddin & Anor and another case [2019] 10 MLJ 329*.

Berdasarkan penghakiman kes-kes tersebut, prinsip bagi penentuan hilang sokongan majoriti bagi Ketua Menteri / Menteri Besar boleh diguna pakai bagi penentuan sama ada seseorang Perdana Menteri telah hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Kaedah yang sama juga terpakai bagi YDPA, pada hematnya untuk menentukan mana-mana orang yang mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat untuk dilantik sebagai Perdana Menteri. Kaedah penentuan tersebut boleh dilihat **melalui pelbagai sumber** termasuklah sumber luaran seperti petisyen, representasi, akuan dan sebagainya dan bukan hanya terhad melalui suatu pengundian yang dibuat di Dewan Rakyat. Setelah jelas bahawa Perdana Menteri telah hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, adalah menjadi kewajipan beliau untuk meletakkan jawatan Jemaah Menteri iaitu termasuk jawatan beliau sebagai Perdana Menteri, melainkan jika atas permintaan beliau, Parlimen diperkenan untuk dibubarkan oleh YDPA.

Dalam mana-mana pun kaedah yang digunakan, kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat yang hendaklah ditentukan di bawah Fasal (4) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan merupakan majoriti mudah daripada keseluruhan ahli Dewan Rakyat iaitu sebanyak (50% + 1) daripada jumlah ahli Dewan Rakyat.

Selain itu, pengesahan mengenai kehilangan majoriti juga boleh ditentukan melalui pengakuan Perdana Menteri sendiri. Hal ini dapat dilihat semasa YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin (mantan Perdana Menteri) menyampaikan ucapan pada 13 Ogos 2021 yang menyatakan antara lain bahawa pada masa tersebut beberapa ahli Parlimen telah menarik sokongan kepada beliau dan telah menimbulkan keraguan tentang keabsahan beliau sebagai Perdana Menteri dan kedudukan Kerajaan Perikatan Nasional sebagai kerajaan yang memerintah. Lanjutan itu, mantan Perdana Menteri juga menyatakan bahawa beliau mempunyai pilihan di bawah Perlembagaan Persekutuan sama ada memohon perkenan YDPA untuk membubarkan Parlimen ataupun meletak jawatan. Pada 16 Ogos 2021, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin telah meletakkan jawatan Jemaah Menteri menurut Fasal (4) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan.

Selaras dengan konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, YDPA telah memberi peluang kepada semua 220 orang Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk menamakan menerusi surat akuan seorang Ahli Dewan Rakyat yang diberi kepercayaan untuk dilantik sebagai Perdana Menteri. Menerusi surat-surat akuan tersebut, YDPA mendapati seramai 114 Ahli Dewan Rakyat telah memberi kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Ahli Parlimen Bera. Pada 19 Ogos 2021, setelah menerima menghadap semua 114 Ahli Dewan Rakyat tersebut, YDPA telah berpuas hati bahawa kepercayaan yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Ahli Parlimen Bera adalah dengan kerelaan Ahli-ahli Dewan Rakyat sendiri tanpa sebarang paksaan. Jumlah ini adalah merupakan jumlah majoriti yang mencukupi untuk membentuk kerajaan.

Justeru, Pada 21 Ogos 2021, YDPA telah melantik YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang pada hemat Baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri yang baharu selaras dengan perenggan (a) Fasal (2) Perkara 40 dan perenggan (a) Fasal (2) Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan setelah proses pemilihan Perdana Menteri yang baharu yang teliti dan telus dijalankan oleh YDPA.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 [SELASA]

SOALAN :

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status perkembangan projek Tembatan Banjir di daerah Tenom.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bagi mengurangi risiko banjir di sebahagian kawasan di daerah Tenom, Kerajaan telah meluluskan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Padas, Lembangan Sungai Padas, Sabah di bawah RMKe-11 dengan kos projek sebanyak RM50 juta.
2. Projek ini dalam peringkat memuktamadkan rekabentuk terperinci dan projek ini dijangka tender pada awal 2022 dan dijangka siap pada tahun 2024 dengan tempoh pembinaan selama 30 bulan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN (SEGAMBUT) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butir-butir secara terperinci Menteri dan Timbalan Menteri yang telah menjalankan kerja pengubahsuaian pejabat mereka sepanjang tahun 2020 dan 2021 termasuk pembelian perabot baharu dan nyatakan secara terperinci kos terlibat serta namakan pihak/syarikat yang mendapat tawaran kerja pengubahsuaian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pejabat-pejabat Menteri dan Timbalan Menteri yang telah menjalankan kerja ubahsuai sepanjang tahun 2020 dan 2021 termasuk penggantian perabot lama mengikut ketetapan dan kelayakan berdasarkan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri seperti berikut:

Bil	Pejabat	Kos Pengubahsuaian (RM)	Kos Perabot (RM)	Nama Kontraktor
1.	Menteri dan Timbalan Menteri di JPM (Hal Ehwal Sabah & Sarawak)	145,977.00	254,733.00	Sega Elektrik Sdn Bhd
2.	Menteri di JPM (Parlimen & Undang-Undang)	380,000.00	90,000.00	Puncak Interaktif Sdn Bhd
3.	Timbalan Menteri di JPM (Parlimen & Undang-Undang)	192,870.00	10,000	Kerayong Indah Enterprise

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN [HANG TUAH JAYA]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tumpuan utama Pelan Malaysia ke-12 dan bagaimana perancangan Kerajaan di dalam memastikan Malaysia menjadi sebuah negara digital yang kompetitif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan Rancangan Malaysia pada kali ini adalah amat kritikal memandangkan Malaysia kini berhadapan dengan pelbagai cabaran besar yang perlu ditangani termasuk penularan pandemik COVID-19 yang telah memberi kesan kepada sosioekonomi rakyat. Sehubungan itu, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang merupakan sebahagian daripada agenda Pelan Pemulihan Negara akan memberi tumpuan kepada dasar dan strategi untuk memulih dan merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memastikan kemakmuran negara dapat dinikmati oleh semua rakyat serta pada masa yang sama tidak mengabaikan kelestarian alam sekitar.

2. RMKe-12 akan memberi tumpuan khusus kepada usaha untuk memulih dan menjana semula ekonomi rakyat bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara kembali berada di landasan yang kukuh. Struktur ekonomi akan disusun semula dan aktiviti sektor swasta akan dirancakkan untuk menjadi peneraju utama pertumbuhan. Usaha akan ditumpukan untuk melonjakkan pendigitalan dan penggunaan teknologi termaju bagi membangunkan industri negara yang berteknologi tinggi. Penekanan akan diberi bagi memanfaatkan penerimgunaan teknologi baru muncul dalam semua sektor bagi mendepani Revolusi Perindustrian Keempat atau 4IR, khususnya dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

3. Pandemik COVID-19 juga telah mempercepatkan peralihan ekonomi ke arah pendigitalan. Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital yang telah dilancarkan pada bulan Februari 2021 memberi tumpuan kepada pengukuhan infrastruktur digital negara supaya lebih cekap dan terancang. Di samping itu, Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara telah ditubuhkan pada tahun 2020 untuk menambah baik tadbir urus digital dengan lebih terselaraskan dan berkesan. Usaha juga ditumpu untuk meningkatkan pendigitalan dalam sektor awam termasuk perkhidmatan dalam talian, terutama berkaitan perkhidmatan talian peringkat awal ke akhir. Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 pula telah dilancarkan pada 19 Ogos 2021 bagi tujuan ini. Selain itu, perkhidmatan telekomunikasi akan diperkenalkan sebagai utiliti awam bagi mempercepat ketersambungan digital.

4. Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) juga digalakkan untuk beralih kepada pendigitalan bagi meningkatkan daya saing. Platform dan pusat pemudahcara setempat akan dibangunkan bagi membantu PMKS mendapat akses pembiayaan, kemudahan dan khidmat nasihat serta membolehkan intervensi berkaitan perniagaan digital dan perdagangan rentas sempadan dapat diselaraskan. Ini adalah penting untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan bagi memudah cara perniagaan dalam perkembangan ekonomi digital. Kerajaan akan menjadi peneraju kepada inisiatif ini bagi memastikan impak yang maksimum.

5. Kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada usaha untuk mewujudkan masyarakat digital yang inklusif. Ini penting bagi meningkatkan penyertaan rakyat dalam aktiviti digital dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi menjana pendapatan, terutamanya sebagai sumber pendapatan alternatif. Kerajaan juga akan membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi keselamatan siber, kandungan digital dan teknologi kewangan (fintech).

6. Di bawah Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital, Kerajaan menyasarkan peningkatan 30% produktiviti buruh merentas semua sektor menjelang 2030. Bagi memperkukuh aspek perniagaan, lebih daripada 800,000 PMKS dijangka menerima guna pendigitalan. Selain itu, seramai 20,000 pekerja berkemahiran dalam keselamatan siber dan 30,000 profesional data akan dilatih bagi meningkatkan bakat digital yang tangkas dan kompeten. Manakala bagi sektor awam pula, perkhidmatan kerajaan yang ditawarkan secara dalam talian dari awal ke akhir disasarkan mencapai 80%. Semua kementerian dan agensi disasarkan menyediakan perkhidmatan pilihan kaedah pembayaran tanpa tunai dan penggunaan storan awan merentas sektor awam dijangka meningkat kepada 80%.

Tuan Yang di-Pertua,

7. RMKe-12 juga memberi tumpuan untuk mengurangkan kemiskinan dan menangani jurang kekayaan antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan. Ekonomi negara akan diperkasakan dengan menggalakkan rakyat terlibat dalam ekonomi perkongsian. Penggunaan pelbagai platform ekonomi digital yang disediakan akan dapat membantu meningkatkan pendapatan isi rumah dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat.

8. Kerajaan percaya pelaksanaan dasar dan strategi RMKe-12 yang berkonsepkan semangat 'Keluarga Malaysia' akan dapat memulihkan ekonomi negara dan seterusnya mengukuhkan kemakmuran, inklusiviti dan mampan selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF
RAWA [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : **21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

SOALAN

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memperundangkan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kestabilan negara menjadi agenda utama ke arah pemulihan negara memerangi pandemik Covid-19 serta memulihkan ekonomi. Ini termasuklah usaha menyelesaikan kemelut politik melalui prinsip kebersamaan antara parti Kerajaan dan pembangkang dalam memastikan ketidakstabilan politik di Malaysia dapat ditangani dengan lebih baik.

Kerajaan juga komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini memaktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia. Transformasi ini termasuklah komitmen Kerajaan untuk membentangkan RUU Anti-Lompat di Parlimen.

Pelaksanaan transformasi ini juga selaras dengan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tentang peri pentingnya sebuah pentadbiran yang stabil dan dapat berfungsi secara biasa dalam keadaan negara menghadapi pelbagai krisis.

Selain itu, Kerajaan juga menjunjung titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui titah yang disampaikan semasa Istiadat Pembukaan Penggal Parlimen supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mengembalikan fokus kepada usaha memerangi pandemik COVID-19 serta membawa kembali sinar kepada rakyat dan negara tanah tumpahnya darah kita.

Justeru, menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan prinsip kebersamaan akan terus diamalkan agar dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi kepercayaan tinggi kepada Ahli-ahli Parlimen. Kerajaan juga akan memastikan sistem demokrasi berparlimen sentiasa disanjung tinggi agar kepentingan rakyat dan negara sebagai satu 'Keluarga Malaysia' dapat diutamakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sejak Julai 2019 untuk melaksanakan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun (UNDI18) dan pendaftaran pengundi automatik, dan apakah halangan-halangan lain yang masih memerlukan penyelesaian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan iaitu berhubung umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik sebagaimana yang diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas.

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR ini adalah meliputi pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan standard operating procedures (SOP) dan penyediaan sistem serta infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

SOALAN NO : 57

Di samping itu, SPR juga telah mengenal pasti beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan sebelum pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik. Antaranya ialah membuat semakan maklumat bakal pemilih, semakan di lapangan yang melibatkan bakal pengundi berumur 90 tahun dan ke atas, semakan di lapangan ke atas alamat untuk memastikan penentuan bahagian pilihan raya yang tepat, sesi libat urus dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan, program pendidikan pengundi kepada bakal pemilih dan menyemak keperluan logistik bagi persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 yang akan datang.

SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan termasuklah menangani isu-isu yang berkaitan ini akan dapat diselesaikan dan seterusnya melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada September 2022.

Namun demikian, keputusan semakan kehakiman isu Undi 18 di Mahkamah Tinggi Kuching telah memerintahkan supaya umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

Justeru, walaupun dengan kekangan dan kekurangan, **SPR komited untuk memastikan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik berdasarkan kepada keputusan mahkamah.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG CHEN (SUBANG) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) status Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen;
dan
- (b) memberikan satu garis masa yang jelas untuk membentangkan Rang Undang-Undang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen. Kerajaan seperti yang telah dipersetujui di dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik (MoU) yang telah ditandatangani dengan pihak Pakatan Harapan pada 13 September yang lalu sedang mengkaji semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992.

Beberapa penambahbaikan akan dimasukkan di dalam draf RUU yang baru bagi memastikan semua pemegang taruh mendapat manfaat daripada undang-undang tersebut khususnya bagi pihak kakitangan parlimen. Tangga gaji, kemajuan kerjaya, serta kemudahan-kemudahan yang lain akan dikaji dengan teliti agar mereka mendapat faedah yang tidak kurang baiknya daripada yang sedang diterima mereka sekarang. Oleh sebab RUU Perkhidmatan Parlimen ini akan melibatkan beberapa pindaan terhadap beberapa undang-undang yang lain termasuk pindaan Perlembagaan, maka masa yang lebih sedikit adalah perlu bagi mengkajinya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI (KLUANG)

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI (KLUANG) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dan butiran mengenai rangka masa, cabaran, dan perancangan yang perlu diuruskan bagi memastikan RUU ini dapat dilaksanakan pada waktu yang terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen. Kerajaan seperti yang telah dipersetujui di dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik (MoU) yang telah ditandatangani dengan pihak Pakatan Harapan pada 13 September yang lalu sedang mengkaji semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992.

Beberapa penambahbaikan akan dimasukkan di dalam draf RUU yang baru bagi memastikan semua pemegang taruh mendapat manfaat daripada undang-undang tersebut khususnya bagi pihak kakitangan parlimen. Tangga gaji, kemajuan kerjaya, serta kemudahan-kemudahan yang lain akan dikaji dengan teliti agar mereka mendapat faedah yang tidak kurang baiknya daripada yang sedang diterima mereka sekarang. Oleh sebab RUU Perkhidmatan Parlimen ini akan melibatkan beberapa pindaan terhadap beberapa undang-undang yang lain termasuk pindaan Perlembagaan, maka masa yang lebih sedikit adalah perlu bagi mengkajinya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR
[TEMERLOH]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 [SELASA]

SOALAN

Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan jaminan tentang Projek Tebatan Banjir Sungai Semantan di Tanjung Kerayung, Mentakab (Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Semantan), daerah Temerloh Fasa 1 Pahang dengan kos projek berjumlah RM50 juta yang telah diluluskan dalam RMK-11 dilaksanakan dengan jaya supaya banjir di bandar Mentakab dan kawasan sekitarnya dapat dibendung. Apakah status terkini projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Tebatan Banjir Sungai Semantan adalah projek di bawah Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Semantan, Daerah Temerloh Fasa 1. Kerja-kerja rekabentuk telah siapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan sementara itu pihak JPS juga telah memulakan proses pengambilan tanah di sepanjang jajaran Sungai Semantan. Proses pengambilan tanah sehingga ini dijangka akan selesai dalam tempoh setahun.
2. Projek ini dalam peringkat penyediaan dokumen tender dan dijangka tender pada bulan Oktober 2021.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]
TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021(SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan secara terperinci jumlah pembekalan vaksin COVID-19 yang telah dijadualkan berbanding dengan jumlah vaksin yang sebenarnya diserahkan kepada negeri-negeri masing-masing. Apakah langkah-langkah untuk memastikan setiap negeri akan dibekalkan vaksin yang mencukupi dan secara adil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

CITF akan terus memberi tumpuan pengagihan bekalan vaksin ke negeri-negeri yang mempunyai bilangan kes positif COVID-19 yang tinggi berdasarkan data semasa daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pada bulan Ogos 2021, antara negeri yang menjadi keutamaan dalam aktiviti pengagihan bekalan vaksin berdasarkan insiden wabak COVID-19 yang tinggi ialah Sabah, Selangor dan Johor.

Bagi bulan September pula, jadual perancangan penerimaan bekalan vaksin bertumpu kepada negeri Sabah, Kedah dan Kelantan bagi mempercepatkan peralihan Fasa Pemulihan Negara kelak. Oleh itu, stok bekalan ke negeri tersebut ditingkatkan berbanding bekalan pada bulan Ogos.

NO. SOALAN : 62

Pecahan agihan bekalan vaksin mengikut negeri bagi bulan Ogos dan September 2021 (anggaran) adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Jumlah Agihan Vaksin (Ogos)	Anggaran Agihan Vaksin (September)
1.	Johor	2,105,196	1,926,360
2.	Kedah	880,900	1,350,700
3.	Kelantan	1,010,800	1,230,300
4.	Melaka	523,570	526,840
5.	Negeri Sembilan	591,064	308,010
6.	Pahang	780,192	1,400,300
7.	Perak	780,192	1,622,140
8.	Perlis	129,150	140,550
9.	Pulau Pinang	957,000	1,015,500
10.	Sabah	1,598,660	2,889,150
11.	Sarawak	141,580	417,800
12.	Selangor	2,246,271	977,200
13.	Terengganu	672,478	560,110
14.	W.P. KL & Putrajaya	1,621,916	531,150
15.	W.P. Labuan	-	77,220
16.	ATM	12,870	182,520
Jumlah		14,296,811	15,155,850

Bekalan vaksin ini diagihkan mengikut kapasiti vaksinasi PPV di negeri, keperluan kawalan wabak dan ketetapan peralihan fasa dalam Pelan Pemulihan Negara.

Sekiranya kadar vaksinasi ini dilaksanakan mengikut perancangan tanpa gangguan terhadap stok bekalan vaksin sedia ada, beberapa negeri seperti Selangor, Sarawak dan Negeri Sembilan di jangka dapat diselesaikan seawal September 2021. Di samping itu, Johor dan Pulau Pinang dijangka selesai pada bulan Oktober 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membentangkan kembali Rang Undang-undang (RUU) berkaitan had perjawatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) dalam usaha untuk membawa pembaharuan kepada institusi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini memuktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia.

Salah satu tawaran di dalam Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan yang dinyatakan antara lain ialah cadangan bagi pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan mengambil kira kepentingan semua pihak khususnya untuk memastikan kestabilan politik terus dipelihara.

Pelaksanaan transformasi ini juga selaras dengan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tentang peri pentingnya sebuah pentadbiran yang stabil dan dapat berfungsi secara biasa dalam keadaan negara menghadapi pelbagai krisis.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pertanyaan berkaitan RUU Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019, ia telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen oleh mantan Menteri Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri pada 18 Julai 2019. Walau bagaimanapun, susulan pertukaran Kerajaan pada 1 Mac 2020, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 1 April 2020 telah bersetuju supaya tanggungjawab RUU IPCMC diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dibentangkan semula di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Susulan dari keputusan MJM tersebut, KDN melalui Jawatankuasa Teknikal telah menjalankan kajian terperinci bagi tujuan pengubalan RUU yang baharu bagi menggantikan RUU IPCMC. RUU yang baharu ini dinamakan semula sebagai RUU Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC). RUU IPCC telah dibuat bacaan kali pertama pada 26 Ogos 2020 di Dewan Rakyat. Namun bacaan kali kedua yang dijadualkan pada 27 Ogos 2020 telah ditangguhkan dan akan dibaca di sidang Parlimen pada penggal ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD BIN HASSAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fungsi khusus yang dimainkan oleh 'Poverty Circle' yang diurusetikan oleh Unit Perancangan Ekonomi dan jaminan pembentukan jawatankuasa tersebut terhadap pengurangan kadar kemiskinan tegar di seluruh negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan *Poverty Circle* merupakan inisiatif yang telah saya umumkan semasa pelancaran webinar SDG “*Building Back Better: Eradicating Poverty and Promoting Inclusive Growth in Response of COVID-19 Impact*” pada 17 Jun 2021. Tujuan penubuhan *Poverty Circle* ini adalah bagi membincang dan merangka strategi terbaik menangani kemiskinan selaras dengan pendekatan keseluruhan negara khususnya dalam mendepani pandemik COVID-19. Penubuhan *Poverty Circle* juga adalah untuk menyokong komitmen Kerajaan bagi mencapai matlamat Agenda 2030 serta Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030).

2. *Poverty Circle* adalah suatu forum/platform dengan objektif untuk membincang dan merangka strategi terbaik dalam menangani kemiskinan khususnya akibat pandemik COVID-19 dengan objektif seperti berikut:

- (i) mengenal pasti data penerima bantuan yang boleh disepadukan dalam Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS);
- (ii) mengenal pasti isu berkaitan kemiskinan dan jurang pembangunan sosioekonomi;
- (iii) mencadang dasar, strategi dan inisiatif baharu yang progresif bagi menangani kemiskinan;
- (iv) menjalin kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, pihak swasta serta masyarakat sivil dalam menangani kemiskinan; dan
- (v) menyediakan input untuk penggubalan dasar dan intervensi untuk menangani kemiskinan kepada Rancangan Pembangunan, Majlis Perlindungan Sosial (MySPC) dan Jemaah Menteri.

3. Untuk membantu pengurangan kadar kemiskinan tegar di seluruh negeri Sabah, *Poverty Circle* kemiskinan di Sabah dan Sarawak telah diadakan pada 5 Ogos 2021. Bagi Sabah khususnya, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan meningkatkan kerjasama bagi mengoptimumkan sumber dan mengurangkan pertindihan program. Selain daripada projek-projek infrastruktur, program-program menangani kemiskinan juga akan dilaksanakan mengikut keperluan lokaliti serta replikasi daripada program-program membasmi kemiskinan yang telah berjaya dilaksanakan di negeri atau kementerian lain.

4. Inisiatif ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan bagi menangani kemiskinan dan meningkatkan mekanisme penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi melalui pendekatan dari bawah ke atas atau *bottom-up approach*, dengan izin, di kalangan pemegang taruh antara Kerajaan, swasta, organisasi berasaskan komuniti (CBO) dan rakyat. Justeru itu, pendekatan ini akan dipertingkatkan dengan penglibatan organisasi masyarakat sivil dan organisasi berasaskan komuniti.

5. Dalam RMKe-12, Kerajaan akan memperkukuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak, termasuk menangani kemiskinan dan mempelbagaikan sumber pendapatan serta memperkukuh pembangunan sosioekonomi bagi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Melalui Program Khas Anak Negeri Sabah, program/projek yang dirancang akan memberi fokus kepada pembangunan masyarakat Bumiputera di Sabah terutamanya berkaitan *native customary rights*, *native courts*, ekonomi, infrastruktur dan pendidikan. Di samping itu, Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri akan memainkan peranan bagi memperkukuh kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memastikan perkhidmatan sampai kepada kumpulan sasar.

Sekian, terima kasih.